"Butiran Keselamatan" termasuk Buku Simpanan, kad debit, Kata Laluan Perbankan Elektronik, PIN dan apa-apa maklumat sulit, kod keselamatan dan/atau alat keselamatan lain yang digunakan berhubung dengan Akaun Perbankan;

"Terma Khusus" ertinya syarat khusus yang terpakai untuk Akaun Perbankan seperti yang dinyatakan dalam borang permohonan, brosur, resit, buku simpanan, buku cek atau dokumen lain yang dikeluarkan oleh Bank;

"SST" ertinya terminal layan diri dan termasuk mesin juruwang automatik (ATM), mesin deposit cek (CQM) dan mesin kitar semula pintar (SRM);

"Terma dan Syarat" ertinya terma dan syarat ini dan Terma Khusus, yang boleh dipinda dari semasa ke semasa.

"Lebihan Sementara tidak Dirancang" ertinya wang yang diberikan oleh Bank, di bawah kontrak Syariah Qard, untuk akaun semasa tanpa kemudahan Cashline-i dengan tempoh T + 1 hari.

**2. Tafsiran**

2.1 Apa-apa rujukan dalam Terma dan Syarat ini terhadap:

(a) satu pihak merujuk pemegang akaun yang memegang Akaun Perbankan termasuk pengganti hak miliknya dan pemegang serah hak yang dibenarkan;
(b) perkataan yang menunjukkan mufrad hendaklah termasuk jamak dan sebaliknya, dan perkataan yang menunjukkan mana-mana jantina hendaklah termasuk semua jantina;
(c) tajuk kecil, tajuk dan pembahagian peruntukan kepada seksyen dan fasal dalam Terma dan Syarat ini adalah untuk memudahkan rujukan sahaja dan tidak boleh diambil kira dalam tafsiran bagi peruntukan substantif Terma dan Syarat ini;
(d) jika perkataan atau frasa diberikan makna tertentu, maka golongan kata dan bentuk tatabahasa yang lain bagi perkataan atau frasa itu hendaklah mempunyai makna yang sama;
(e) "individu" termasuk mana-mana individu sebenar dan Organisasi;
(f) jika terdapat dua (2) atau lebih individu atau pihak yang terangkum atau terkandung dalam ungkapan "anda" atau "Pemegang Akaun", Terma dan Syarat ini akan mengikat semua orang atau pihak tersebut secara bersesama dan berasingan;
(g) perkataan yang terpakai kepada individu sebenar akan terpakai juga kepada Organisasi; dan
(h) apa-apa rujukan terhadap mana-mana Akta atau statut ialah rujukan terhadap Akta atau statut tersebut seperti yang dipinda, disatukan atau digubal semula dari semasa ke semasa.

**KONTRAK SYARIAH**

**B. APLIKASI PRINSIP-PRINSIP SYARIAH PADA AKAUN SIMPANAN, AKAUN SEMASA DAN AKAUN DEPOSIT BERJANGKA**

(a) Prinsip Qard

1. Kontrak pinjaman di mana anda akan meminjamkan wang kepada Bank dan Bank terikat untuk membayar jumlah gantian yang sama dengan permintaan pelanggan. Bank mempunyai hak untuk menggunakan wang tersebut bagi aktiviti perbankannya dan berhak ke atas manfaat atau pendapatan yang diperolehi daripada wang yang dipinjam itu.

2. Produk-produk ini tertakluk di bawah Syariah prinsip Qard :-
   i) Master Foreign Currency Account-i
   ii) Maybank Coin Box

(b) Prinsip Komoditi Murabahah

1. Bank, sebagai ejen anda menerima jumlah wang yang didepositkan dan apa-apa jumlah wang yang kemudiannya dikumpulkan di atas prinsip Komoditi Murabahah (kos atas jualan). Bank akan membeli komoditi tertentu yang patuh Syariah yang bersesuaian untuk transaksi ini dan ciri-ciri aset adalah dibuktikan seperti dalam e-sijil atau dokumen hak milik anda. Selepas itu, Bank sebagai prinsipal akan membeli komoditi tersebut pada jumlah yang menyamai nilai awal deposit bersama nilai keuntungan yang dipersetujui atas dasar bayaran tertunda.

2. Produk-produk ini tertakluk di bawah Syariah prinsip Komoditi Murabahah :-
   i) Basic Savings Account-i
   ii) Savings Account-i
   iii) Current Account-i
   iv) Basic Current Account-i
   v) Yippie-i
   vi) imteen-i
   vii) Premier Account-i
   viii) Personal Savers-i
   ix) Flexi Savers-i
   x) Maybank2U Savers-i
   xi) SME First Account-i
   xii) Islamic Fixed Deposit-i (IFD-i)
   xiii) Prosperous Now! Account-i (PNA-i)

**JENIS AKAUN**

**C. AKAUN SIMPANAN**

**1. Pembukaan Akaun**

1.1 Pembukaan, pengekalan dan penggunaan Akaun Simpanan tertakluk kepada keperluan Bank termasuk perkara yang berkaitan dengan deposit minimum, umur, pencadang dan dokumen pengenalan.

**2. Akaun Simpanan Yippie-i**

2.1 Akaun Simpanan Yippie-i ialah akaun simpanan untuk kanak-kanak di bawah umur lapan belas (18) tahun.

2.2 Ia hanya boleh dibuka di bawah nama, dan dikekalkan oleh ibu bapa atau penjaga sah (berumur sehingga enam puluh (60) tahun sahaja) kanak-kanak tersebut. Ibu bapa atau penjaga yang sah akan menjadi pemegang amanah bagi akaun tersebut. Hanya anda sebagai pemegang amanah boleh mengendalikan akaun tersebut.

2.3 Bagi pembukaan akaun, anda perlu mengemukakan sijil kelahiran asal kanak-kanak bawah umur itu dan MyKad (jika kanak-kanak berumur dua belas (12) tahun dan ke atas dan telah mempunyai MyKad). Jika kanak-kanak di bawah penjagaan, kami boleh menghendaki anda mengemukakan sijil pengambilan anak angkat yang sah atau perintah penjagaan.

2.4 Akaun Simpanan Yippie-i akan terus berada di bawah nama dan dikekalkan oleh ibu bapa atau penjaga yang sah bagi kanak-kanak bawah umur walaupun kanak-kanak tersebut telah mencapai umur lapan belas (18) tahun.

**3. Akaun Simpanan imteen-i**

3.1 Akaun Simpanan imteen-i ialah akaun simpanan untuk kanak-kanak yang berumur dua belas (12) tahun tetapi di bawah umur lapan belas (18) tahun.

3.2 Akaun Simpanan imteen-i akan dibuka di bawah nama kanak-kanak dan anda sebagai ibu bapa atau penjaga yang sah (berumur sehingga enam puluh (60) tahun sahaja) kanak-kanak tersebut mesti melaksanakan surat tanggung rugi untuk menanggung rugi Bank kerana membenarkan kanak-kanak mengendalikan akaun tersebut. Bagi pembukaan akaun, anda perlu mengemukakan sijil kelahiran dan MyKad asal kanak-kanak bawah umur tersebut. Jika kanak-kanak di bawah penjagaan, kami boleh menghendaki anda mengemukakan sijil pengambilan anak angkat yang sah atau perintah penjagaan.

3.3 Apabila kanak-kanak bawah umur itu mencapai umur lapan belas (18) tahun, Akaun Simpanan imteen-i boleh ditukar kepada Akaun Perbankan seperti yang ditentukan oleh Bank dan apabila penukaran tersebut berlaku, Terma dan Syarat ini akan terpakai kepada kanak-kanak itu. Kami akan memberikan notis empat belas (14) kalendar hari secara bertulis terlebih dahulu sebelum membuat penukaran tersebut.

Maybank Islamic

**D. AKAUN SEMASA**

**1. Pembukaan Akaun**

1.1 Pembukaan, pengekalan dan penggunaan Akaun Semasa adalah tertakluk kepada terma-terma Bank termasuk perkara yang berkaitan dengan deposit minimum, umur, pencadang serta dokumen pengenalan dan anda tidak disenaraikan sebagai mempunyai apa-apa rekod tidak memnuaskan di dalam Sistem Maklumat Cek Tak Laku (DCHEQS) Bank.

**2. Permohonan Buku Cek dan Syarat yang Mengawal Cek**

2.1 Anda hanya boleh memohon buku cek dengan menggunakan borang yang ditetapkan oleh Bank dan mengikut prosedur Bank. Cek hanya boleh dikeluarkan dengan menggunakan borang yang dikeluarkan oleh Bank.

2.2 Anda tidak boleh membuat apa-apa bentuk pindaan pada cek dan kami berhak untuk tidak melunaskan cek tersebut, sama ada pindaan itu telah ditandatangani balas oleh anda atau tidak.

2.3 Bank akan mengesahkan tandatangan anda melalui perbandingan dengan tandatangan contoh yang diberikan kepada Bank. Bank boleh mengambil langkah tambahan untuk mengesahkannya tetapi tidak diwajibkan untuk berbuat demikian.

2.4 Cek yang dipalang "A/C Penerima sahaja" atau "Akaun Penerima sahaja" akan dibayar ke dalam Akaun Perbankan penerima. Cek yang palangnya telah dibatalkan atau dibuka dan ditandatangani balas oleh anda, boleh dibayar secara tunai apabila dikemukakan untuk pembayaran oleh pembawa. Bank berhak mengenakan fi perkhidmatan jika cek tersebut ditunaikan oleh pihak ketiga.

2.5 Apa-apa arahan untuk menghentikan pembayaran cek mesti dibuat oleh anda secara bertulis dengan menyatakan (i) nombor cek (ii) tarikh cek (iii) nama penerima dan (iv) amaun cek.

Jika arahan dibuat secara lisan, ia mestilah diikuti dengan arahan bertulis.

Apa-apa arahan pemberhentian pembayaran hanya boleh dikuatkuasakan apabila Bank menerima arahan tersebut. Jika anda ialah Syarikat, Bank boleh menerima arahan pemberhentian pembayaran daripada mana-mana pengarah atau Penandatangan yang Diberi Kuasa anda. Bagi Organisasi lain, Bank boleh menerima arahan pemberhentian pembayaran daripada presiden (atau yang setara), mana-mana pemegang jawatan atau Penandatangan yang Diberi Kuasa.

Bank boleh memutuskan dengan sewajarnya sama ada hendak menguatkuasakan atau tidak arahan pemberhentian pembayaran untuk cek yang anda keluarkan tanpa menulis amaun (cek kosong), cek yang telah ditandatangani terlebih dahulu atau cek yang hilang, dicuri atau tersalah letak. Arahan pemberhentian pembayaran tidak boleh dibuat bagi cek yang telah dilunaskan.

Bank berhak mengenakan anda fi perkhidmatan kerana melaksanakan apa-apa arahan pemberhentian pembayaran.

2.6 Semua cek kekal menjadi milik Bank dan apabila Akaun Semasa ditutup, semua cek yang tidak digunakan mesti dikembalikan kepada Bank dengan segera.

2.7 Anda mesti mengambil langkah berjaga-jaga yang sewajarnya terhadap pemalsuan, pengubahan, penipuan atau penggunaan cek tanpa kebenaran termasuk:

(a) menyimpan buku cek atau borang pesanan cek di bawah jagaan dan kawalan anda sepenuhnya;
(b) mengeluarkan semua cek dengan cara yang dapat mencegah apa-apa penambahan atau pindaan selanjutnya dan memastikan ruang kosong yang perlu dilengkapkan telah diisi; dan
(c) dengan segera memaklumkan Bank apabila menyedari kehilangan buku cek atau borang pesanan cek.

2.8 Jika anda mengeluarkan:

(a) cek yang telah ditandatangani terlebih dahulu atau cek kosong dan ia dikemukakan oleh penerima kepada Bank untuk pembayaran, penerima dianggap telah mendapat kebenaran anda sepenuhnya untuk melengkapkan cek bagi pihak anda. Anda tidak boleh menafikan bahawa cek itu telah dilengkapkan dengan kebenaran anda.
(b) cek tarikh hadapan, kami berhak untuk tidak melunaskan dan mengembalikan cek tersebut jika penerima mendepositkannya untuk pembayaran pada bila-bila masa sebelum tarikh cek tersebut. Anda hendaklah bertanggungan terhadap apa-apa fi dan caj disebabkan cek tarikh hadapan yang anda keluarkan.

Kami tidak akan bertanggungan terhadap apa-apa tuntutan, kerugian, ganti rugi, penalti, caj, kos dan perbelanjaan yang anda alami atau tanggung akibat daripada cek yang telah ditandatangani terlebih dahulu, cek kosong atau cek tarikh hadapan yang anda keluarkan.

2.9 Anda mesti memastikan bahawa dana dalam Akaun Semasa anda mencukupi sebelum mengeluarkan apa-apa cek.

2.10 Bank berhak untuk tidak melunaskan dan mengembalikan cek yang Bank dengan munasabah berpendapat bahawa tandatangan itu berbeza daripada tandatangan contoh yang diserah simpan di Bank, tidak sama melalui apa-apa cara, mempunyai apa-apa bentuk pindaan (sama ada pindaan itu ditandatangani balas oleh anda atau tidak), anda menghadapi Kejadian Ketaksolvenan, Kejadian Dalaman atau Bank mempunyai notis tentang kematian anda.

2.11 Anda membenarkan Bank melunaskan dan mematuhi semua cek yang anda keluarkan, tandatangani atau sahkan sama ada Akaun Semasa anda mempunyai baki kredit atau debit, atau mengakibatkannya menjadi terlebih keluar atau tidak.

**3. Lebihan Sementara**

3.1 Sekiranya Bank meluluskan kemudahan Cash Line-i dengan lebihan sementara yang dirancang, anda perlu membayar setiap prinsipal yang dikemukakan oleh Bank apabila diminta / mempercepat pembayaran dari Bank bersama-sama dengan semua keuntungan, yuran, komisen, caj lewat, diskaun dan caj bank lain (jika berkenaan) yang tertakluk kepada terma dan syarat yang berkaitan.

3.2 Walau bagaimanapun, jika Bank membenarkan kelebihan sementara yang tidak dirancang, setiap jumlah yang dikemukakan oleh Bank mengikut budi bicaranya mesti digunakan untuk aktiviti-aktiviti yang mematuhi Syariah sahaja. Anda perlu membayar kepada Bank pada hari berikutnya bersama-sama dengan, jika berkenaan, caj lewat lewat dan / atau apa-apa caj lain yang berkaitan dengannya.

## E. MASTER FOREIGN CURRENCY ACCOUNT-i (MFCA-i)

### 1. Pembukaan Akaun

1.1 Pembukaan, pengekalan dan penggunaan MFCA-i tertakluk kepada keperluan Bank termasuk perkara yang berkaitan dengan deposit minimum, umur, pencadang dan dokumen pengenalan serta pematuhan FEP dan arahan yang dikeluarkan oleh BNM. Peraturan FEP dan arahan tersebut akan mengawal sumber dan penggunaan dana dalam akaun tersebut.

1.2 Seperti yang dikehendaki di bawah FEP, MFCA-i hendaklah ditetapkan sebagai Trade MFCA-i atau Investment MFCA-i berdasarkan tujuan pembukaannya.

1.3 Anda mesti dengan segera memberikan apa-apa maklumat yang diminta oleh Bank berkaitan dengan MFCA-i anda.

### 2. Pengendalian akaun

2.1 Bank berhak mengkreditkan MFCA-i anda secara automatik dalam mata wang asing bagi bayaran yang diterima oleh Bank tanpa mengambil kira mata wang asal MFCA-i anda.

2.2 Penerimaan mata wang asing adalah sehingga had yang ditentukan oleh Bank yang akan dimaklumkan kepada anda dari semasa ke semasa.

2.3 Selaras dengan keperluan BNM, Bank boleh menukar mata wang asing merujuk ke Fasal E.2.2 di atas ke dalam Ringgit Malaysia (RM) secara automatik pada kadar yang dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak dan dikreditkan ke dalam akaun yang ditetapkan menurut Fasal E.2.6.

2.4 Cek tidak akan dikeluarkan untuk MFCA-i. Apabila anda membuat permohonan, kami boleh, tetapi tidak mempunyai obligasi, untuk membenarkan anda mendepositkan cek ke dalam MFCA-i anda.

2.5 Transaksi yang melibatkan wang kertas mata wang asing tidak dibenarkan. Pengeluaran hanya boleh dilakukan melalui arahan pemindahan dana.

2.6 Jika anda pengeksport pemastautin, anda dibenarkan menyimpan sehingga 25% daripada hasil kutipan mata wang asing bagi eksport barangan dalam Trade MFCA-i. Melainkan anda mengarahkan kami sebaliknya pada hari yang sama hasil kutipan tersebut diterima, bakinya hendaklah ditukar kepada RM pada kadar yang dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak dan hendaklah dikreditkan ke dalam akaun yang ditetapkan, yang dibuka berdasarkan arahan sedia ada bagi MFCA-i anda.

2.7 Anda hendaklah memastikan semua hasil kutipan mata wang asing bagi eksport barangan didepositkan ke dalam Trade MFCA-i sahaja. Hasil kutipan mata wang asing bagi eksport tidak boleh sekali-kali didepositkan ke dalam Investment MFCA-i.

2.8 Hasil kutipan dalam Trade MFCA-i anda hanya boleh digunakan untuk urusan yang berikut:

(a) pembayaran import mata wang asing;
(b) pembayaran balik pinjaman mata wang asing;
(c) transaksi antarabangsa semasa seperti pembayaran bagi atau penerimaan yang timbul daripada perdagangan barangan atau perkhidmatan, fi, komisen, royalti atau pendapatan termasuk upah, gaji, dividen, keuntungan atau faedah.

Apa-apa pemindahan ke dalam Investment MFCA-i anda tertakluk kepada had ambang pelaburan.

2.9 Hasil kutipan dalam Investment MFCA-i anda boleh digunakan untuk apa-apa tujuan tertakluk kepada pematuhan FEP.

### 3. Pembatasan Liabiliti

3.1 Semua risiko yang berkaitan dengan mata wang asing termasuk:

(a) apa-apa penyusutan dalam nilai mata wang disebabkan sekatan terhadap kebolehtukaran, rekuisisi, pemindahan terpaksa, perampasan, cukai, susut nilai, tindakan perang, mogok awam atau sebab yang di luar kawalan Bank;
(b) ketiadaan mata wang disebabkan negara asal mata wang mengisytiharkannya tidak sah, menyekat ketersediaannya atau melarang pengkreditan atau pemindahannya;
(c) turun naik kadar pertukaran,

akan ditanggung oleh anda.

Bank tidak bertanggungan terhadap apa-apa tuntutan, kerugian, ganti rugi, penalti, caj, kos dan perbelanjaan yang anda hadapi atau tanggung akibat daripada risiko tersebut. Jika mata wang tidak ada, kami tidak mempunyai obligasi untuk membayar mata wang tersebut atau yang setara dengannya dalam mata wang lain kepada anda.

## F. AKAUN DEPOSIT BERJANGKA

### 1. Perunntukan Am

1.1 Pembukaan, pengekalan dan penggunaan Akaun Deposit Berjangka tertakluk kepada keperluan Bank termasuk perkara yang berkaitan dengan deposit minimum, tempoh minimum dan dokumen pengenalan.

1.2 Anda boleh membuka Akaun Deposit Berjangka untuk kanak-kanak di bawah umur. Anda hendaklah mengemukakan sijil kelahiran asal kanak-kanak tersebut dan MyKad (jika kanak-kanak berumur dua belas (12) tahun dan ke atas dan telah mempunyai MyKad). Jika kanak-kanak di bawah penjagaan, kami boleh menghendaki anda mengemukakan sijil pengambilan anak angkat yang sah atau perintah penjagaan.

Jika kanak-kanak tersebut berumur dua belas (12) tahun, ia hendaklah dibuka di bawah nama anda sebagai ibu bapa atau penjaga yang sah (berumur sehingga enam puluh (60) tahun sahaja) kanak-kanak tersebut. Anda akan bertindak sebagai pemegang amanah dan hanya anda boleh mengendalikan Akaun Deposit Berjangka kanak-kanak tersebut.

Jika kanak-kanak berumur dua belas (12) tahun dan ke atas, Bank boleh tetapi tiada berobligasi untuk membenarkan Akaun Deposit Berjangka dibuka di bawah nama kanak-kanak tersebut dan dikendalikan oleh kanak-kanak. Anda hendaklah melaksanakan surat tanggung rugi untuk menanggung rugi Bank kerana membenarkan kanak-kanak mengendalikan akaun tersebut.

2. **Peletakan Deposit**

2.1 Bank akan menetapkan dari semasa ke semasa deposit minimum yang dikehendaki untuk membuka Akaun Deposit Berjangka.

2.2 Bagi peletakan yang dibuat di kaunter, resit Deposit Berjangka akan dikeluarkan. Resit Deposit Berjangka berfungsi hanya sebagai pengesahan bagi peletakan tersebut dan bukan dokumen hak milik. Ia tidak boleh dipindah milik, diserah hak atau dirunding dalam apa-apa cara. Resit tidak akan dikeluarkan bagi peletakan yang dibuat melalui Perkhidmatan Perbankan Elektronik (e-TD). Bagi Akaun Deposit Berjangka tanpa Sijil, Bank akan mengeluarkan slip perakuan sebagai bukti transaksi atau sebarang bentuk dokumen lain yang mungkin ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa.

**3. Kadar Keuntungan dan Pembayaran**

3.1 Bank akan menentukan kadar keuntungan bagi Deposit Berjangka menurut budi bicara Bank. Apa-apa perubahan akan dipaparkan di premis dan laman web Bank.

3.2 Anda boleh menarik balik dan/atau membuat pengeluaran awal jumlah dalam Akaun Deposit Berjangka sebelum tarikh matang. Walau bagaimanapun pembayaran keuntungan hendaklah dikurangkan atau dilucuthakkan dan dilaraskan mengikut amalan lazim Bank, pada masa penarikan balik dan/atau pengeluaran jumlah daripada Akaun Deposit Berjangka.

**4. Penarikan Balik Deposit Berjangka**

4.1 Apa-apa penarikan balik Deposit Berjangka mestilah dilakukan menurut prosedur yang ditetapkan oleh Bank dan pengemukaan Butiran Keselamatan atau dokumen yang dikehendaki oleh Bank.

4.2 Bagi peletakan yang dibuat di kaunter, penarikan balik hanya boleh dibuat di cawangan Deposit Berjangka itu disimpan dan pengeluaran resit Deposit Berjangka adalah mandatori. Keperluan ini tidak terpakai bagi e-TD dan Deposit Berjangka tanpa sijil.

4.3 Tertakluk kepada Fasal F.3.2 di atas, saya/kami dengan ini bersetuju bahawa bagi penarikan balik Deposit Berjangka sebelum tempoh matang, penarikan balik tersebut hendaklah dibuat menurut syarat yang berikut (yang mana berkenaan):

4.3.1 Deposit Berjangka Diperbaharui atau Diletakkan Sebelum 1 November 2018:

(a) tiada keuntungan akan dibayar bagi apa-apa tempoh 1 bulan, 2 bulan atau 3 bulan Deposit Berjangka yang belum genap tempoh pemegangan penuh masing-masing;
(b) bagi Deposit Berjangka dengan tempoh melebihi 3 bulan, tiada keuntungan akan dibayar sekiranya Deposit Berjangka ditarik balik sebelum genap tempoh 3 bulan pertama;
(c) selain daripada keadaan yang disebutkan dalam (a) dan (b) di atas, hanya 50% daripada keuntungan terakru akan dibayar berdasarkan bilangan hari sebenar yang diletakkan.

Atau

4.3.2 Deposit Berjangka Diperbaharui atau Diletakkan Mulai 1 November 2018:

1. Untuk penarikan balik sebelum 1 Januari 2019, saya/kami bersetuju untuk terikat dengan syarat penarikan balik seperti yang dinyatakan di bawah Fasal F.4.3.1

2. Penarikan Balik Mulai 1 Januari 2019:

(a) Penarikan Balik Segera (Tanpa notis bertulis awal)
   i) Tiada keutungan akan dibayar. Saya/Kami bersetuju untuk melepaskan keseluruhan hak saya/kami atas keuntungan yang dikontrakkan.

(b) Penarikan Balik (Dengan notis bertulis 31 hari awal)
   i) Bank akan membayar 50% daripada keuntungan yang dikira berdasarkan tempoh hari yang lengkap sehingga tarikh luput notis. Saya/Kami bersetuju untuk melepaskan hak ke atas keuntungan yang selebihnya yang dikontrakkan.
   ii) Saya/Kami dengan ini bersetuju bahawa saya/kami tidak akan menarik balik peletakan sehingga tarikh luput notis.
   iii) Bagi tujuan pembayaran wang pokok dan keuntungan yang terakru untuk penarikan balik, saya/kami bersetuju untuk membuka Akaun Semasa, Akaun Simpanan atau Mudarabah Investment Account dengan Bank.
   iv) Saya/Kami bersetuju bahawa wang pokok dan keuntungan yang terakru akan dikreditkan oleh Bank ke Akaun Semasa, Akaun Simpanan atau Mudarabah Investment Account saya/kami yang ada di Bank pada hari ke tiga puluh dua (32).

4.4 Notis pengeluaran pramatang tidak boleh dibatalkan dan perubahan atau pembatalan tidak dibenarkan.

**5. Pembaharuan**

5.1 Anda mestilah memberikan arahan tentang pembaharuan atau pelanjutan Deposit Berjangka pada masa peletakannya atau pada bila-bila masa sebelum kematangannya. Jika tiada arahan diberikan, Deposit Berjangka secara automatik akan dibaharui pada tarikh matangnya dan tarikh matang yang berikutnya.

**6. Kehilangan Resit Deposit Berjangka**

6.1 Anda bertanggungjawab menyimpan resit Deposit Berjangka dengan selamat. Jika anda menghilangkannya atau ia rosak atau musnah, anda hendaklah dengan segera memberitahu Bank secara bertulis.

6.2 Bank boleh bersetuju untuk mengeluarkan salinan resit Deposit Berjangka, tertakluk kepada anda menandatangani surat tanggung rugi dalam bentuk dan kandungan yang diterima oleh Bank dan pembayaran fi perkhidmatan ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa. Bagi Deposit Berjangka Bersama, permohonan untuk resit Deposit Berjangka dan surat tanggung rugi mestilah ditandatangani oleh semua pemegang Akaun Bersama.

**7. Penutupan Akaun**

7.1 Jika anda menarik balik atau mengeluarkan semua Deposit Berjangka anda, Akaun Deposit Berjangka itu akan dianggap sebagai ditutup.

7.2 Bank mempunyai hak, yang akan dilaksanakan dengan sewajarnya, untuk menarik balik Deposit Tetap dan menutup Akaun Deposit Tetap (atas apa-apa alasan melainkan dilarang oleh undang-undang termasuk menolak selesai liabiliti yang anda berhutang dengan Bank) dengan memberikan notis tujuh (7) kalendar hari secara bertulis terlebih dahulu kepada anda. Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian, ganti rugi, perbelanjaan, kos atau caj yang anda alami akibat pelaksanaan hak ini oleh Bank.

**8. Pertukaran Akaun Deposit Berjangka Kanak-kanak**

8.1 Akaun Deposit Berjangka akan terus berada di bawah nama dan dikekalkan oleh ibu bapa atau penjaga yang sah bagi kanak-kanak di bawah umur walaupun kanak-kanak tersebut telah mencapai umur lapan belas (18) tahun.

8.2 Pertukaran automatik kepada nama kanak-kanak bawah umur tidak boleh dilakukan. Pemegang amanah hendaklah terlebih dahulu menutup akaun dan kanak-kanak bawah umur itu membuka Akaun Deposit Berjangka yang baharu.

**PEMILIKAN AKAUN**

**G. AKAUN INDIVIDU**

1.1 Akaun Perbankan individu dimiliki oleh individu sebenar, yang akan menjadi Pemegang Akaun dan hanya Pemegang Akaun berhak terhadap baki kredit dalam akaun.

**H. AKAUN BERSAMA**

1.1 Akaun Bersama dimiliki oleh dan atas nama dua (2) individu atau lebih (tetapi tidak lebih daripada empat (4) individu), yang kesemuanya akan menjadi Pemegang Akaun dan setiap Pemegang Akaun berhak terhadap baki kredit dalam akaun. Melainkan kami diarahkan sebaliknya oleh Pemegang Akaun Bersama, kami boleh membuat andaian bahawa semua Pemegang Akaun Bersama mempunyai hak yang sama dan bahagian yang sama terhadap baki kredit dalam akaun.

1.2 Anda boleh memberikan Mandat kepada Pemegang Akaun Bersama tertentu sebagai Penandatangan yang Diberi Kuasa dan Fasal L.2 akan terpakai untuk Mandat yang diberikan itu. Mandat tersebut akan terus berkuat kuasa sehingga ia dibatalkan oleh Pemegang Akaun Bersama dan digantikan dengan Mandat baharu.

1.3 Bank boleh (i) memungut cek atau surat cara lain yang dibayar kepada anda secara individu atau bersesama, dan (ii) melaksanakan apa-apa arahan untuk pengeluaran atau pendebitan yang anda berikan secara individu atau bersesama. Bank boleh menolak untuk memungut cek yang dikeluarkan atas nama anda yang diasingkan dengan frasa *"dan/atau"* atau *"atau"*.

1.4 Atas permintaan Pemegang Akaun Bersama dan tertakluk kepada Fasal L.3 atau apa-apa perintah mahkamah yang diserahkan kepada kami, apabila (i) berlaku kematian (ii) wujud Perkara Ketaksolvenan, atau (iii) terdapat ketidakupayaan mental salah seorang daripada anda, Bank boleh membayar baki Akaun Bersama (mengikut bahagian dan mengikut cara yang ditentukan oleh Bank) kepada Pemegang Akaun Bersama yang masih hidup, tidak bankrap atau sihat dari segi mental. Bagi membolehkan kami membuat pembayaran, Pemegang Akaun Bersama yang menerima mesti melindungi kami dengan sewajarnya daripada apa-apa tuntutan, kerugian, ganti rugi, penalti, caj, kos dan perbelanjaan yang kami alami atau tanggung akibat membuat pembayaran tersebut.

1.5 Apa-apa notis atau komunikasi yang kami berikan kepada salah seorang daripada anda dianggap sebagai diberikan kepada anda semua.

1.6 Terma dan syarat ini dan semua obligasi akan mengikat semua Pemegang Akaun Bersama secara bersesama dan berasingan.

**I. AKAUN SYARIKAT ATAU ORGANISASI**

1.1 Akaun syarikat atau Organisasi dimiliki oleh syarikat atau Organisasi yang ditubuhkan atau diiktiraf oleh undang-undang Malaysia, yang akan menjadi Pemegang Akaun. Hanya Pemegang Akaun berhak terhadap baki kredit dalam Akaun Perbankan.

1.2 Anda boleh memberikan Mandat kepada Penandatangan yang Diberi Kuasa dan Fasal L.2 akan terpakai kepada Mandat yang diberikan itu. Mandat tersebut hendaklah terus berkuat kuasa sehingga ia dibatalkan melalui resolusi yang diluluskan atau pembatalan yang dibuat menurut perlembagaan anda atau undang-undang kecil dan digantikan dengan Mandat baharu.

**J. AKAUN PERKONGSIAN**

1.1 Akaun perkongsian dimiliki oleh rakan kongsi bagi perkongsian itu, yang kesemuanya akan dianggap sebagai Pemegang Akaun. Melainkan kami diarahkan sebaliknya, kami berhak menganggap bahawa semua rakan kongsi mempunyai hak yang sama dan bahagian yang sama terhadap baki kredit dalam akaun.

1.2 Rakan kongsi boleh memberikan Mandat kepada Penandatangan yang Diberi Kuasa dan Fasal L.2 akan terpakai kepada Mandat yang diberikan itu. Mandat tersebut hendaklah terus berkuat kuasa sehingga ia dibatalkan oleh perkongsian dan digantikan dengan Mandat baharu.

1.3 Atas permintaan rakan kongsi dan tertakluk kepada Fasal L.3 atau apa-apa perintah mahkamah yang diserahkan kepada kami, apabila (i) berlaku penamatan perkongsian akibat kematian, persaraan, penamatan rakan kongsi atau penambahan rakan kongsi baharu (ii) wujud Perkara Ketaksolvenan, atau (iii) berlaku ketidakupayaan mental salah seorang rakan kongsi, Bank boleh membayar baki Akaun Perkongsian (mengikut bahagian dan mengikut cara yang ditentukan oleh Bank) kepada rakan kongsi yang masih hidup, tidak bankrap atau sihat dari segi mental. Bagi membolehkan kami membuat bayaran, rakan kongsi yang menerima mesti menanggung-rugi kami dengan sewajarnya daripada apa-apa tuntutan, kerugian, ganti rugi, penalti, caj, kos dan perbelanjaan yang kami alami atau tanggung akibat membuat pembayaran tersebut.

1.4 Apa-apa notis atau komunikasi yang kami berikan kepada salah seorang daripada anda dianggap sebagai diberikan kepada anda semua.

1.5 Terma dan syarat ini dan semua obligasi akan mengikat semua rakan kongsi secara bersesama dan berasingan.

**K. AKAUN LLP**

1.1 Akaun LLP ialah akaun yang dimiliki oleh LLP yang ditubuhkan atau diiktiraf oleh undang-undang Malaysia, yang akan menjadi Pemegang Akaun. Hanya Pemegang Akaun berhak terhadap baki kredit dalam Akaun Perbankan.

1.2 LLP boleh memberikan Mandat kepada Penandatangan yang Diberi Kuasa dan Fasal M.2 akan terpakai kepada Mandat yang diberikan itu. Mandat tersebut hendaklah terus berkuat kuasa sehingga ia dibatalkan oleh LLP dan digantikan dengan Mandat baharu.

1.2 Jika anda telah bertukar atau sedang menukar daripada syarikat persendirian atau perkongsian kepada LLP, kami menghendaki supaya akaun sedia ada ditutup dan Akaun LLP yang baharu dibuka.

1.3 Terma dan Syarat ini dan semua obligasi akan mengikat LLP dan rakan kongsi secara bersesama dan berasingan.

**L. AKAUN AMANAH (SELAIN AKAUN YIPPIE-i DAN IMTEEN-i)**

1.1 Akaun amanah dimiliki oleh pemegang amanah bagi badan amanah yang ditubuhkan atau diiktiraf oleh undang-undang Malaysia, yang akan menjadi Pemegang Akaun. Hanya Pemegang Akaun berhak terhadap baki kredit dalam Akaun Perbankan.

1.2 Pemegang amanah boleh memberikan Mandat kepada Penandatangan yang Diberi Kuasa dan Fasal M.2 akan terpakai kepada Mandat yang diberikan itu. Mandat tersebut hendaklah terus berkuat kuasa sehingga ia dibatalkan oleh pemegang amanah dan digantikan dengan Mandat baharu.

1.3 Anda hendaklah mengendalikan Akaun Perbankan untuk manfaat benefisiari dan menurut surat cara amanah (jika ada). Kami tidak, dalam apa-apa cara, mempunyai obligasi untuk memastikan anda mematuhi syarat amanah tersebut dan anda hendaklah melindungi kami dengan sewajarnya terhadap apa-apa tuntutan, kerugian, ganti rugi, penalti, caj, kos dan perbelanjaan yang kami alami atau tanggung akibat ketakpatuhan anda terhadap amanah tersebut.

1.4 Apa-apa notis atau komunikasi yang kami berikan kepada salah seorang daripada pemegang amanah dianggap sebagai diberikan kepada semua pemegang amanah.

1.5 Terma dan syarat ini dan semua obligasi akan mengikat semua pemegang amanah secara bersesama dan berasingan.

**PERUNTUKAN AM**

**M. TERMA DAN SYARAT AM**

**1. Obligasi Pelanggan**

1.1 Anda mestilah:

(a) Memantau baki Akaun Perbankan anda.
(b) Menyimpan Butiran Keselamatan anda dengan selamat dan sulit serta tidak mendedahkan atau memberikan akses terhadapnya kepada mana-mana pihak ketiga.
(c) Mengambil langkah berjaga-jaga yang sewajarnya terhadap penggunaan Butiran Keselamatan anda yang tidak dibenarkan atau yang melibatkan penipuan seperti tidak mencatatkannya dalam medium yang mudah diakses.
(d) Menyemak semua penyata Akaun Perbankan anda tepat pada masanya dan dengan segera memberitahu Bank jika terdapat apa-apa kesilapan, ketaksamaan, percanggahan atau transaksi tanpa kebenaran.
(e) Memastikan transaksi tunai berkaitan dengan Akaun Perbankan anda dilakukan melalui saluran Bank yang betul termasuk di kaunter bank atau melalui SST. Jika anda melakukan transaksi tunai melalui apa-apa cara lain, kami tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa tuntutan, kerugian, ganti rugi, penalti, caj, kos dan perbelanjaan yang anda alami atau tanggung akibat tindakan anda.
(f) Tidak menyalahgunakan, menjalankan aktiviti yang menyalahi undang-undang atau melibatkan penipuan melalui Akaun Perbankan atau membenarkan mana-mana pihak ketiga berbuat demikian.
(g) Menyimpan apa-apa buku simpanan yang dikeluarkan kepada anda dengan selamat dan sentiasa mengemas kininya.
(h) Memaklumkan kepada Bank dengan segera jika:
   (i) terdapat apa-apa perubahan pada butiran peribadi anda seperti alamat kediaman, alamat e-mel dan nombor telefon anda;
   (ii) terdapat apa-apa perubahan pada status atau perlembagaan (contohnya, daripada syarikat persendirian atau perkongsian kepada perkongsian liabiliti terhad atau daripada perniagaan tunggal kepada perkongsian) dan pemberitahuan tersebut hendaklah disokong dengan apa-apa dokumen seperti yang dikehendaki oleh Bank;
   (iii) anda kehilangan atau tersalah letak Butiran Keselamatan anda atau ia dilanggar, dijejaskan atau diakses oleh mana-mana pihak ketiga;
   (iv) anda kehilangan atau tersalah letak buku simpanan anda;
   (v) anda mendapati apa-apa transaksi tanpa kebenaran atau mencurigakan ke atas Akaun Perbankan anda.

**2. Mandat**

2.1 Jika anda memberikan Mandat kepada Penandatangan yang Diberi Kuasa dan melainkan anda mengarahkan sebaliknya, Penandatangan yang Diberi Kuasa itu dianggap mempunyai kuasa melaksanakan tindakan termasuk:

(a) mengeluarkan atau mendebitkan apa-apa wang dalam Akaun Perbankan;
(b) mengekalkan dan menutup Akaun Perbankan;
(c) menggunakan apa-apa kad debit dan PIN untuk Akaun Perbankan;
(d) menggunakan Perkhidmatan Perbankan Elektronik dan perkhidmatan lain yang berkaitan dengan Akaun Perbankan;
(e) memberikan apa-apa pengesahan dan arahan termasuk arahan tetap;
(f) menandatangani dan mengeluarkan apa-apa cek, surat cara dan dokumen termasuk tanggung rugi yang dikehendaki oleh Bank; dan
(g) memohon, membatalkan, mengubah suai dan melakukan apa-apa perkara yang berkaitan dengan perkara di atas.

2.2 Anda membenarkan Bank mematuhi arahan atau permintaan Penandatangan yang Diberi Kuasa apabila ia dibuat mengikut cara yang ditetapkan atau diterima oleh Bank disertai dengan apa-apa Butiran Keselamatan, seolah-olah anda yang melakukan tindakan itu.

2.3 Jika kami menerima arahan yang bercanggah, tidak jelas atau mengikut budi bicara kami dianggap sebagai arahan yang mencurigakan daripada Penandatangan yang Diberi Kuasa, kami mungkin menghendaki anda memberikan pengesahan bertulis sebelum bertindak mengikut arahan tersebut tanpa apa-apa liabiliti di pihak kami.

2.4 Dalam melaksanakan Mandat, Penandatangan yang Diberi Kuasa mesti mematuhi Terma dan Syarat ini.

2.5 Jika Penandatangan yang Diberi Kuasa menghadapi Perkara Ketaksolvenan, ketidakupayaan mental atau kematian, anda mestilah dengan segera memberikan Mandat yang baharu kepada kami. Jika anda gagal berbuat demikian, Bank boleh membekukan Akaun Perbankan menurut Fasal M.3.

**3. Pembekuan Akaun Perbankan**

3.1 Kami boleh, mengikut budi bicara kami, yang kami akan laksanakan dengan sewajarnya, membekukan atau menggantung Akaun Perbankan anda atas apa-apa alasan, melainkan jika ia dilarang oleh undang-undang. Alasan tersebut termasuklah:

(a) anda menghadapi Perkara Ketaksolvenan;
(b) anda dianggap sebagai tidak mampu membayar hutang anda di bawah seksyen 466 Akta Syarikat;
(c) berlakunya atau wujudnya Perkara Dalaman;
(d) wujudnya Perintah Pihak Berkuasa;
(e) anda menjalankan atau kami mengesyaki anda atau pihak ketiga menyalahgunakan, menjalankan aktiviti yang menyalahi undang-undang atau melibatkan penipuan melalui Akaun Perbankan (hal ini termasuk pengambilan deposit secara haram dan komplot);
(f) anda memberikan gambaran yang salah tentang identiti anda atau memberikan maklumat atau dokumen palsu, tidak betul atau mengelirukan berkaitan dengan Akaun Perbankan;
(g) laporan Polis dibuat terhadap anda atau tentang Akaun Perbankan oleh mana-mana individu termasuk kami;
(h) penyiasatan dijalankan oleh Pihak Berkuasa atau oleh kami terhadap anda atau Akaun Perbankan;
(i) apa-apa kemudahan yang diberikan kepada anda melalui Akaun Perbankan digantung, ditarik balik atau ditamatkan kerana apa jua alasan;
(j) kegagalan anda memaklumkan kepada Bank tentang apa-apa perubahan pada butiran peribadi anda seperti alamat kediaman, alamat surat-menyurat dan nombor telefon;
(k) kematian Pemegang Akaun atau Penandatangan yang Diberi Kuasa;
(l) apa-apa hutang anda dengan Bank yang belum dibayar, sama ada sebagai peminjam, pihak sekuriti atau penjamin;
(m) anda atau Penandatangan yang Diberi Kuasa mengalami ketidakupayaan mental;
(n) kami menerima perintah mahkamah atau dokumen undang-undang lain yang melarang pengendalian Akaun Perbankan anda;
(o) anda menyalahgunakan Perkhidmatan Perbankan Elektronik atau Sistem IT kami;
(p) anda melanggar Terma dan Syarat ini.

Kami juga akan menggunakan budi bicara kami yang sewajarnya bagi menentukan sama ada notis Pembekuan akan diberikan kepada anda atau tidak. Terdapat keadaan apabila Bank tidak boleh mendedahkan alasan bagi Pembekuan dan tidak mempunyai obligasi untuk berbuat demikian.

3.2 Kami boleh mempertimbangkan penarikan balik Pembekuan tertakluk kepada perkara yang berikut:

(a) Berhubung dengan Perkara Ketaksolvenan,

(i) bagi petisyen penggulungan atau kebankrapan, anda mestilah memberikan bukti yang memuaskan kepada kami bahawa petisyen itu telah ditarik balik atau digugurkan;
(ii) bagi perintah penggulungan atau kebankrapan, anda mestilah memberikan bukti yang memuaskan kepada kami bahawa ketaksolvenan telah digugurkan atau ditangguhkan dengan kekal atau Pegawai Pemegang Harta atau penyelesai telah mengizinkan Akaun itu dikendalikan oleh anda;
(iii) jika Penandatangan yang Diberi Kuasa anda mengalami Kejadian Ketaksolvenan, anda mestilah memberikan Mandat yang baharu kepada kami; atau
(iv) kami diperintahkan oleh mahkamah supaya menarik balik Pembekuan.

(b) Berhubung dengan Perkara Dalaman,

(i) anda memberikan kami sama ada (i) pernyataan bertulis yang ditandatangani oleh semua pengarah, pemegang jawatan atau rakan kongsi; atau (ii) resolusi yang diluluskan oleh lembaga pengarah, pemegang jawatan atau rakan kongsi anda menurut perlembagaan anda atau undang-undang kecil, mengesahkan bahawa pertikaian tersebut telah diselesaikan dan meminta kami menarik balik Pembekuan; atau
(ii) kami diperintahkan oleh mahkamah supaya menarik balik Pembekuan.

(c) Berhubung dengan Penghakiman Mahkamah, Perintah Mahkamah atau dekri yang serupa, Bank diperintahkan oleh mahkamah supaya menarik balik Pembekuan;
(d) Berhubung dengan apa-apa Perintah Pihak Berkuasa, Bank dibenarkan secara bertulis oleh Pihak Berkuasa untuk menarik balik Pembekuan;
(e) Berhubung dengan penyiasatan,

(i) Bank berpuas hati bahawa tiada penyiasatan selanjutnya diperlukan; atau

(ii) Bank diberikan pernyataan bertulis daripada Pihak Berkuasa yang memuaskan hati kami, memaklumkan bahawa penyiasatan telah dihentikan;

(f) Berhubung dengan kematian,

(i) bagi individu, jika diserahkan kepada kami Pemberian Probet, Surat Kuasa Mentadbir atau dokumen undang-undang yang setara oleh wakil peribadi Pemegang Akaun;
(ii) bagi Penandatangan yang Diberi Kuasa, jika diserahkan kepada kami mandat baharu yang memberi kuasa sewajarnya.

(g) Berhubung dengan hutang yang masih belum dibayar kepada Bank, apabila Bank melaksanakan hak menolak selesai hutang dengan baki dalam Akaun Perbankan.
(h) Berhubung dengan ketidakupayaan mental,

(i) Bank berpuas hati bahawa keadaan ketidakupayaan mental anda tidak menjejaskan kemampuan anda mengendalikan Akaun Perbankan; atau
(ii) kami diperintahkan oleh mahkamah supaya membenarkan wakil peribadi anda mengendalikan Akaun Perbankan.

3.3 Semasa pembekuan tersebut, kami boleh memulangkan apa-apa cek atau surat cara lain sama ada didepositkan untuk pungutan atau pembayaran. Kami tidak akan bertanggungan terhadap apa-apa tuntutan, kerugian, ganti rugi, penalti, caj, kos dan perbelanjaan yang anda alami atau tanggung akibat Pembekuan.

**4. Arahan dan Kebenaran**

4.1 Tanpa membuat rujukan selanjutnya dengan anda, anda membenarkan kami, sama ada Akaun Perbankan anda mempunyai baki kredit atau debit atau menjadi terlebih keluar atau tidak sebagai akibatnya:

(a) untuk bertindak terhadap apa-apa arahan atau permintaan anda (termasuk deposit dan pengeluaran) yang dibuat mengikut cara yang ditetapkan atau diterima oleh Bank dan disertai dengan Butiran Keselamatan anda dan dokumen yang kami kehendaki. Arahan boleh dibuat secara peribadi atau melalui Perkhidmatan Perbankan Elektronik;
(b) untuk melunaskan dan mematuhi apa-apa cek, draf jurubank, perintah juruwang, nota janji hutang, bil pertukaran atau apa-apa surat cara lain yang dikeluarkan, ditandatangani atau disahkan oleh anda.

Anda hendaklah membayar apa-apa amaun baki debit apabila diminta oleh Bank bersama dengan faedah serta fi dan caj yang dikenakan. Kadar faedah akan ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa berdasarkan kadar faedah semasa Bank yang akan dimaklumkan kepada anda dari semasa ke semasa melalui pengumuman di cawangan kami atau laman web kami.

4.2 Apa-apa transaksi yang anda lakukan tertakluk kepada pengesahan seperti yang dikehendaki oleh Bank termasuk penyemakan dan pengesahan kredit dengan mana-mana biro kredit atau agensi yang ditubuhkan bagi tujuan mengumpulkan dan menyediakan maklumat kredit.

Pengesahan boleh dilakukan secara manual atau elektronik dan Bank tidak bertanggungan terhadap apa-apa tuntutan, kerugian, ganti rugi, penalti, caj, kos dan perbelanjaan yang anda alami atau tanggung akibat kebergantungan kami pada keputusan pengesahan tersebut.

4.3 Jika anda memberikan apa-apa arahan atau pengesahan melalui e-mel, telefon (termasuk telefon bimbit), teleks atau faksimile, Bank berhak untuk bergantung padanya jika kami percaya sepenuhnya bahawa anda yang memberikan arahan atau pengesahan itu. Kami boleh, tetapi tidak mempunyai obligasi, melakukan panggilan balik atau membuat penyemakan dengan cara lain bagi mengesahkan ketulenannya sebelum bertindak terhadap arahan tersebut. Kami tidak bertanggungan terhadap apa-apa kerugian, ganti rugi dan perbelanjaan atau kos yang anda alami atau tanggung jika komunikasi tersebut sebenarnya bukan daripada anda.

4.4 Jika anda membenarkan pihak ketiga untuk membuat pembayaran atau mendebitkan wang daripada Akaun anda seperti melalui arahan tetap, Bank boleh bertindak ke atas arahan tersebut tanpa membuat rujukan selanjutnya dengan anda. Arahan tetap tertakluk kepada baki minimum yang ditetapkan yang dikekalkan dalam Akaun Perbankan anda.

4.5 Atas permintaan anda:

(a) Bank dibenarkan memberikan apa-apa maklumat yang berkaitan dengan Akaun Perbankan anda, kadar pertukaran atau kadar faedah melalui e-mel, telefon (termasuk telefon bimbit), teleks atau faksimile. Maklumat atau kadar yang diberikan melalui telefon tidak mengikat Bank melainkan selepas itu kami mengesahkannya secara bertulis;
(b) Bank juga dibenarkan untuk menghantar apa-apa maklumat, kemas kini atau peringatan yang berkaitan dengan Akaun Perbankan anda atau apa-apa transaksi menggunakan perkhidmatan pesanan ringkas ("SMS") ke nombor telefon bimbit anda atau melalui e-mel termasuk apa-apa kemas kini lain yang akan disediakan oleh Bank dari semasa ke semasa.

4.6 Bank boleh menolak, tanpa liabiliti terhadap apa-apa tuntutan, kerugian, ganti rugi, penalti, caj, kos dan perbelanjaan yang anda alami atau tanggung, untuk bertindak terhadap mana-mana arahan di bawah, jika:

(a) kami mempercayai dengan munasabah bahawa arahan tersebut bukan daripada anda; atau
(b) kami mengesyaki dengan munasabah bahawa ia dibuat secara tipuan; atau
(c) ia tidak jelas, tidak lengkap, atau tidak dalam bentuk yang betul dan tidak disahkan sewajarnya; atau
(d) tandatangan yang terdapat pada arahan itu tidak sama dengan yang ada dalam rekod Bank; atau
(e) bertindak terhadap arahan tersebut adalah bertentangan dengan mana-mana undang-undang, Undang-undang Sekatan, dasar, garis panduan atau peraturan BNM, Pihak Berkuasa atau Bank; atau
(f) kami tidak berpuas hati dengan dokumen yang diberikan atau keputusan pengesahan; atau
(g) Bank mempunyai alasan lain yang sah untuk tidak berbuat demikian, yang Bank boleh, tetapi tidak mempunyai obligasi untuk mendedahkannya kepada anda kecuali pendedahan itu dikehendaki oleh undang-undang.

4.7 Anda bersetuju bahawa Bank boleh mengenakan syarat tambahan kepada anda untuk mengendalikan Akaun Perbankan anda jika wujud apa-apa Perkara Dalaman, Perkara Ketaksolvenan atau Perintah Pihak Berkuasa.

4.8 Apa-apa resit atau perakuan yang dikeluarkan oleh Bank hanya sah jika ia disahkan oleh mesin atau ditandatangani oleh pegawai Bank yang diberi kuasa dan diberikan kepada anda sebaik sahaja transaksi selesai dilakukan dan transaksi tersebut dilakukan melalui saluran Bank yang betul.

4.9 Anda mengakui bahawa data dan maklumat yang disampaikan melalui sistem komunikasi elektronik pihak ketiga seperti Internet dan rangkaian selular boleh diakses oleh pihak ketiga yang tidak dibenarkan semasa dalam transit. Kami tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa tindakan berniat jahat, data atau maklumat atau pendedahan yang tersalah hantar yang berlaku disebabkan penggunaan saluran komunikasi elektronik pihak ketiga.

**5. Sistem Pemangkasan dan Penukaran Cek (e-SPICK)**

5.1 Menurut Garis Panduan Sistem Pemangkasan dan Penukaran Cek (e-SPICK) BNM, perkara yang berikut terpakai kepada cek yang anda keluarkan:

(a) penggunaan cap getah atau meterai peribadi pada cek tidak dibenarkan;
(b) pendebitan Akaun Perbankan adalah berdasarkan imej cek dan bukan salinan asal kerana salinan asal berada di bank pemungut;
(c) apabila pembayaran telah dibuat, permintaan terhadap salinan asal cek tidak boleh dibuat. Sebaliknya, Bank akan memberikan salinan imej cek; dan
(d) bagi cek masuk yang dipulangkan, anda akan diberikan imej dokumen yang dipulangkan (dengan salinan imej cek) atau notis bagi cek tak laku. Salinan asal cek tidak akan dikembalikan kepada anda.

**6. Kutipan Cek**

6.1. Bank mempunyai budi bicara untuk:

(a) tidak memungut apa-apa cek, draf bank atau perintah juruwang ("Cek") yang didepositkan ke dalam Akaun Perbankan anda yang perlu dibayar kepada pihak ketiga dan dipalang dengan perkataan "akaun penerima", "a/c penerima", "akaun penerima sahaja" atau "a/c penerima sahaja";
(b) tidak memungut apa-apa Cek yang didepositkan ke dalam Akaun Perbankan individu yang perlu dibayar kepada dua orang penerima atau lebih dengan perkataan "dan" yang diletakkan di antara nama mereka. Jika Cek tersebut didepositkan ke dalam Akaun Perbankan Bersama yang dikekalkan oleh SEMUA penerima yang dinamakan, Bank akan membuat pungutan;
(c) tidak akan memungut apa-apa Cek yang didepositkan ke dalam Akaun Perbankan individu atau Akaun Bersama yang dibayar kepada dua (2) orang penerima atau lebih dengan frasa "dan/atau" atau "atau" diletakkan di antara nama tersebut; dan
(d) tidak akan memungut apa-apa cek, iaitu (i) cek tunai (ii) tidak menyatakan nama dan nombor akaun penerima di bahagian belakang cek, (iii) menyatakan amaun, nombor akaun atau nama yang tidak sama dengan rekod Bank, (iv) akaun yang ke dalamnya ia hendak dikreditkan tidak wujud atau telah ditutup, (v) perlu dibayar kepada pihak ketiga, atau (vi) yang mempunyai apa-apa ketaksamaan lain yang ditentukan oleh Bank.

Bagi tujuan bahagian ini, semua keadaan di atas dirujuk sebagai "Ketaksamaan Cek".

6.2 Cek bank tempatan ("Cek Tempatan") dilunaskan pada hari perniagaan dan bukan pada mana-mana hari lain ("hari perniagaan" ertinya hari bank di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dibuka untuk perniagaan). Cek Tempatan akan ditunjukkan dalam Akaun Perbankan anda apabila didepositkan tetapi hasil kutipan hanya boleh dikeluarkan selepas ia diterima daripada bank pembayar. Jika Cek Tempatan tidak laku, kami berhak mendebitkan Akaun Perbankan anda.

6.3 Kami boleh menerima cek mata wang asing ("Cek Asing") untuk dilunaskan tertakluk kepada kaedah, peraturan dan dasar Bank, bank ejen/wakil dan bank pengeluar. Hasil kutipan akan hanya dikreditkan ke dalam Akaun Perbankan anda selepas (i) kami menerima bayaran daripada bank ejen/wakil dan bank pengeluar (ii) pelarasan bagi perbezaan kadar pertukaran, komisen bank, duti setem dan caj lain.

6.4 Bagi cek yang ditetapkan sebagai cek pengendalian khas, pelunasan tertakluk kepada keperluan tambahan yang dikenakan oleh sistem pelunasan cek.

6.5 Bank juga berhak untuk meminta dokumen dan bukti tambahan jika terdapat Ketaksamaan Cek.

**7. Pembatasan Liabiliti**

7.1 Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, kami tidak akan bertanggungan terhadap anda atau mana-mana individu lain bagi apa-apa kerugian langsung, tidak langsung, sampingan, khas, berakibat, membebankan atau ekonomi, hilang untung, hilang perniagaan, hilang guna, hilang nama baik, hilang simpanan atau akibat, perbelanjaan, kos atau ganti rugi lain berhubung dengan Akaun Perbankan, Terma dan Syarat ini atau Terma Khusus tanpa mengambil kira kuasa tindakan (termasuk tort) walaupun kami telah dinasihatkan, atau telah menjangkakan, kemungkinan bagi kerugian, ganti rugi atau perbelanjaan tersebut melainkan ia berpunca daripada kecuaian melampau, penipuan atau keingkaran yang disengajakan di pihak kami.

7.2 Tanpa mengambil kira apa-apa yang bertentangan dengan Terma dan Syarat ini dan setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, liabiliti penuh Bank terhadap anda bagi apa-apa tuntutan (walau bagaimanapun ia timbul) adalah terhad kepada kerugian langsung sebenar yang anda alami dan tuntutan tersebut mestilah disokong dengan bukti berdokumen yang memuaskan hati Bank.

**8. Tanggung Rugi**

8.1 Anda bersetuju melindungi Bank dengan sewajarnya bagi apa-apa tuntutan, kerugian, ganti rugi, penalti, caj, kos dan perbelanjaan yang munasabah (termasuk kos atas dasar peguam cara dan anak guam) yang mungkin ditanggung atau dialami oleh Bank akibat:-

(a) anda melanggar Terma dan Syarat ini;
(b) tindakan penipuan anda;
(c) pendedahan anda tentang Butiran Keselamatan kepada mana-mana individu lain atau dalam apa-apa cara termasuk melalui e-mel atau kepada laman web pihak ketiga;
(d) kegagalan anda mengambil langkah yang munasabah untuk menyimpan Butiran Keselamatan sebagai sulit dan/atau selamat pada setiap masa;
(e) kegagalan anda melaporkan pelanggaran, pendedahan atau penjejasan Butiran Keselamatan secepat dan semunasabah yang mungkin apabila menyedari pelanggaran atau kehilangan berkenaan;
(f) Bank bertindak terhadap arahan dan kebenaran anda atau Penandatangan yang Diberi Kuasa anda;
(g) Bank melaksanakan apa-apa haknya terhadap anda;
(h) Bank mematuhi apa-apa undang-undang, Undang-undang Sekatan, dasar, garis panduan atau peraturan BNM, Pihak Berkuasa atau Bank; atau

(i) Bank mematuhi apa-apa penghakiman, perintah, dekri atau arahan (sama ada ia mempunyai kuasa undang-undang atau tidak) yang dikeluarkan oleh mana-mana mahkamah, mana-mana badan tribunal yang ditubuhkan secara sah atau Pihak Berkuasa, yang ditujukan kepada atau berkaitan dengan anda dan/atau Akaun Perbankan anda.

8.2 Jika anda menggunakan Perkhidmatan Perbankan Elektronik, kami tidak menghendaki anda melindungi kami untuk keadaan di bawah (melainkan anda juga bersalah disebabkan kecuaian melampau, penipuan atau salah laku yang disengajakan):

(a) kerosakan teknikal atau kelemahan yang terbukti dalam sistem dan kelengkapan yang berada di bawah kawalan penuh Bank;
(b) kelemahan atau kerentanan yang terbukti dalam ciri dan kawalan keselamatan yang digunakan oleh Bank;
(c) transaksi yang berlaku selepas anda memberitahu Bank bahawa Butiran Keselamatan anda telah dijejaskan atau dilanggar;

(d) transaksi yang berlaku sebaik sahaja sebelum anda memberitahu Bank bahawa Butiran Keselamatan anda telah dijejaskan atau dilanggar dan pemberitahuan kepada Bank telah dibuat dengan serta-merta;
(e) transaksi yang berlaku sebelum anda menerima Butiran Keselamatan anda; atau
(f) Butiran Keselamatan yang dipalsukan, salah, luput atau dibatalkan.

**9. Hak Bank untuk Tolak Selesai**

9.1 Kami berhak pada bila-bila masa selepas memberi anda notis sekurang-kurangnya tujuh (7) kalendar hari secara bertulis terlebih dahulu:

(a) menggabungkan atau menyatukan semua atau mana-mana Akaun Perbankan anda (termasuk akaun bersama); dan
(b) menolak selesai atau memindahkan apa-apa jumlah dalam kredit Akaun Perbankan anda untuk membayar apa-apa obligasi atau liabiliti kewangan yang anda berhutang dengan Bank. Liabiliti tersebut boleh jadi utama, kolateral, bersama atau berasingan.

9.2 Jika liabiliti adalah dalam mata wang yang berbeza daripada mata wang Akaun Perbankan, anda membenarkan Bank melaksanakan pertukaran mata wang pada kadar pertukaran semasa Bank.

9.3 Jika liabiliti yang anda berhutang dengan Bank adalah luar jangka atau pada masa hadapan, obligasi Bank untuk membuat pembayaran apa-apa jumlah dalam kredit bagi mana-mana Akaun Perbankan anda hendaklah, setakat yang perlu untuk menampung liabiliti tersebut, ditangguhkan sehingga berlakunya kejadian luar jangka atau kejadian masa hadapan itu.

9.4 Kami akan menguntukkan, menahan atau menolak selesai Akaun Perbankan anda mengikut cara yang kami tentukan menurut budi bicara kami sewajarnya.

**10. Hak Bank untuk Mendebitkan Akaun Perbankan**

10.1 Kami berhak pada bila-bila masa selepas memberi anda notis sekurang-kurangnya tujuh (7) kalendar hari secara bertulis terlebih dahulu, atau jika keadaan memerlukan sebaik sahaja selepas memberikan anda notis, mendebitkan Akaun Perbankan anda bagi apa-apa jumlah yang telah dikreditkan ke dalam Akaun Perbankan anda.

(a) jika disyaki bahawa surat cara yang digunakan, arahan yang diberikan atau transaksi itu sendiri telah diubah atau mempunyai bentuk penipuan, sama ada anda terlibat atau tidak; atau
(b) jika dikehendaki oleh mana-mana undang-undang, kaedah, peraturan atau perintah Pihak Berkuasa;
(c) jika kami menerima perintah mahkamah dengan maksud yang sama.

10.2 Kami akan menguntukkan, menahan atau mendebitkan Akaun Perbankan anda mengikut cara yang kami tentukan menurut budi bicara kami sewajarnya.

**11. Penutupan Akaun Perbankan**

11.1 Anda boleh menutup Akaun Perbankan anda pada bila-bila masa dengan memberi kami notis bertulis dan membayar semua jumlah yang belum dijelaskan di bawah Akaun Perbankan anda kepada kami. Bank juga boleh menutup Akaun Perbankan anda dengan memberikan notis empat belas (14) kalendar hari secara bertulis terlebih dahulu.

11.2 Bank berhak:

(a) menutup secara automatik Akaun Perbankan anda jika tiada deposit awal diletakkan dalam tempoh tiga puluh (30) kalendar hari dari tarikh akaun diwujudkan;
(b) menutup Akaun Perbankan anda dengan serta-merta:

(i) jika nama anda tersenarai dalam mana-mana makluman dan amaran dikeluarken oleh Pihak Berkuasa;
(ii) jika anda melanggar Terma dan Syarat ini dengan ketara;
(iii) jika kami diarahkan oleh Pegawai Pemegang Harta, penyelesai atau penerima dan pengurus untuk berbuat demikian;
(iv) jika kami berpendapat dengan munasabah bahawa pengekalan Akaun Perbankan tersebut adalah bertentangan dengan polisi kami; dan/atau
(v) bagi mematuhi apa-apa undang-undang, Undang-undang Sekatan, polisi, garis panduan atau peraturan BNM, Pihak Berkuasa atau Bank.

11.3 Dalam hal penutupan Akaun Perbankan bagi Fasal M.11.2 di atas, kami akan menggunakan budi bicara kami yang sewajarnya bagi menentukan sama ada notis penutupan akan diberikan kepada anda atau tidak.

11.4 Dalam hal penutupan Akaun Perbankan, Bank boleh, tetapi tidak mempunyai obligasi untuk mendedahkan alasan bagi penutupan, kecuali penutupan itu dikehendaki oleh undang-undang.

**12. Pendepositan Cek ke dalam SST**

12.1 Anda membenarkan Bank mengkreditkan apa-apa cek yang didepositkan melalui mesin deposit cek ke dalam Akaun Perbankan anda. Resit yang dikeluarkan oleh SST ialah perakuan bahawa cek itu telah didepositkan ke dalam mesin dan bukan pengesahan bahawa ia telah dipungut.

13. **Pemindahan Dana daripada Akaun Perbankan dengan menggunakan Perkhidmatan Perbankan Elektronik**

13.1 Jika anda memindahkan wang daripada mana-mana Akaun Perbankan anda kepada akaun perbankan yang lain, sama ada milik anda atau mana-mana pihak ketiga, amaun tersebut akan didebitkan secara automatik daripada Akaun Perbankan anda apabila transaksi selesai dan dianggap sebagai dipindahkan kepada akaun perbankan penerima. Anda tidak berhak meminta Bank untuk membayar balik atau mengkreditkan semula wang ke dalam Akaun Perbankan walau atas apa-apa alasan sekalipun.

14. **Keuntungan/Hibah (jika ada) dan Penyerahan Hak**

14.1 Keuntunagn / Hibah (jika ada) yang dibayar ke atas Akaun Perbankan hendaklah berdasarkan kadar dan syarat yang ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa, mungkin dihadkan kepada jenis Akaun Perbankan yang tertentu dan tertakluk kepada baki minimum yang dikehendaki disimpan.

14.2 Jika Akaun Perbankan anda dibekukan di bawah Fasal M.3, Bank boleh menurut budi bicaranya, terus membayar keuntungan / hibah (jika ada) ke atas baki kredit.

14.3 Selain penyerahan hak, pindah milik, gadaian atau sandaran atas nama Bank sebagai cagaran, anda tidak boleh menyerah hak, memindah milik, menggadai atau menyandarkan Akaun Perbankan anda dengan apa cara pun tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada kami terlebih dahulu.

15. **Penyata Akaun**

15.1 Penyata akaun simpanan dikeluarkan secara suku tahunan manakala penyata akaun semasa dan MFCA-i dikeluarkan secara bulanan.

15.2 Penyata Akaun Perbankan anda akan disediakan melalui Perkhidmatan Perbankan Elektronik. Jika anda menghendaki penyata salinan keras, anda boleh memintanya di mana-mana cawangan atau terminal layan diri Bank. Caj akan dibayar oleh anda bagi apa-apa penyata salinan keras tambahan. Caj ini akan dipaparkan di cawangan Bank atau diumumkan di laman web Bank.

15.3 Semua penyata akaun dan dokumen yang berkaitan dengan Akaun Perbankan anda akan disimpan oleh Bank menurut dasar penyimpanan dalaman kami.

16. **Surat Kuasa Wakil**

16.1 Jika anda memberikan kuasa kepada individu lain untuk bertindak bagi pihak anda dan mengendalikan Akaun Perbankan melalui Surat Kuasa Wakil (“PA”), kami boleh tetapi tidak mempunyai obligasi untuk membenarkan wakil yang dilantik mengendalikan Akaun Perbankan tersebut. Anda mesti memberikan dokumentasi Surat Kuasa Wakil kepada kami yang memenuhi keperluan kami. Wakil tidak dibenarkan membuka Akaun Perbankan bagi pihak anda. Kami berhak untuk bergantung pada Surat Kuasa Wakil sehingga kami dimaklumkan bahawa Surat Kuasa Wakil tersebut telah dibatalkan. Kami tidak bertanggungjawab untuk memastikan wakil mematuhi Surat Kuasa Wakil atau tidak melebihi kuasa wakil di bawah Surat Kuasa Wakil. Bank tidak akan bertanggungan terhadap apa-apa kerugian, ganti rugi dan perbelanjaan atau kos yang anda alami atau tanggung akibat bertindak ke atas Surat Kuasa Wakil.

17. **Terma dan Syarat Khusus**

17.1 Terma Khusus juga akan mengawal Akaun Perbankan anda dan jika terdapat apa-apa percanggahan atau ketidakselarasan dengan Terma dan Syarat ini, Terma Khusus hendaklah diguna pakai.

17.2 Pemberian hibah (hadiah) adalah berdasarkan budi bicara multak pihak Bank semata-mata pada bila-bila masa atau dari semasa ke semasa dan Bank tidak mempunyai obligasi untuk memberi hibah kepada kamu.

17.3 Hibah yang diterima sebelum ini hasil perletakkan deposit anda tidak boleh dijadikan sebagai indikatif dan jangkaan untuk kadar keuntungan masa hadapan, jaminan atau janji yang sah di sisi undang-undang bahawa hibah akan diberikan oleh Bank.

18. **Perubahan Terma dan Syarat**

18.1 Bank berhak menambah, mengubah suai atau menghapuskan mana-mana Terma dan Syarat ini atau Terma Khusus pada bila-bila masa dengan memberikan notis dua puluh satu (21) kalendar hari secara bertulis terlebih dahulu sebelum melaksanakan perubahan tersebut. Perubahan tersebut akan berkuat kuasa pada tarikh yang dinyatakan dalam notis. Dalam keadaan apabila perubahan dibuat menurut undang-undang atau peraturan, berbentuk pentadbiran atau untuk tujuan penjelasan, notis dengan tempoh yang lebih pendek atau notis segera akan diberikan kepada anda.

18.2 Notis akan diberikan kepada anda menurut Fasal M.30. Jika anda tidak dapat menerima perubahan tersebut, anda hendaklah dengan segera berhenti menggunakan dan menutup Akaun Perbankan anda.

19. **Penerimaan Terma dan Syarat**

19.1 Dengan membuka, mengekalkan dan menggunakan Akaun Perbankan anda, anda bersetuju dan menerima Terma dan Syarat ini (termasuk perubahan yang dibuat di bawah Fasal M.18).

19.2 Jika pada bila-bila masa, anda tidak dapat menerima Terma dan Syarat ini, anda hendaklah dengan segera berhenti menggunakan dan menutup Akaun Perbankan anda.

20. **Pendedahan Maklumat dan Data Peribadi Pelanggan**

20.1 Kecuali untuk tujuan pemasaran dan/atau jualan silang, apabila kaedah dan/atau peraturan tentang keperluan “pilih masuk” mandatori perlu dipatuhi, anda membenarkan dan memberi kuasa kepada Bank untuk memungut, memproses, mendedahkan, memindahkan, mengekalkan, menyimpan dan menjaga data peribadi anda yang anda berikan kepada atau yang diperoleh oleh Bank tentang anda dan Akaun Perbankan anda. Anda bersetuju dan membenarkan Bank mendedahkan keadaan kewangan, butiran Akaun Perbankan dan hubungan anda dengan Bank.

(a) bagi mematuhi perintah atau permintaan yang dibuat oleh agensi penguatkuasaan di Malaysia di bawah mana-mana undang-undang bertulis untuk tujuan penyiasatan atau pendakwaan bagi suatu kesalahan;

(b) sebagaimana yang dikehendaki oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia di bawah seksyen 81 Akta Cukai Pendapatan 1967 untuk tujuan memudahkan pertukaran maklumat menurut pengaturan atau perjanjian percukaian yang dikuatkuasakan di bawah seksyen 132 atau 132A Akta Cukai Pendapatan 1967;
(c) berhubung dengan pelaksanaan apa-apa tugas penyeliaan oleh Pihak Berkuasa;
(d) berhubung dengan pengendalian fungsi terpusat, yang termasuk audit, risiko, pengurusan, kewangan atau teknologi maklumat atau apa-apa fungsi terpusat yang lain dalam kumpulan syarikat Bank;
(e) berhubung dengan pelaksanaan usaha wajar bagi aktiviti korporat yang diluluskan oleh lembaga pengarah Bank berkaitan dengan penggabungan dan pemerolehan, aktiviti pengumpulan modal atau penjualan aset atau keseluruhan atau sebahagian daripada perniagaan;
(f) jika perlu, menjalankan dan menyempurnakan transaksi atau apa-apa arahan atau Mandat lain yang kami berikan.

20.2 Seterusnya anda juga membenarkan dan bersetuju Bank mendedahkan keadaan kewangan, butiran Akaun Perbankan dan hubungan anda dengan Bank kepada:

(a) Pihak Berkuasa di Malaysia dan di mana sahaja bagi mematuhi keperluan undang-undang, kawal selia, pematuhan dan pengurusan risiko termasuk pematuhan Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing (“FATCA”) AS dan Piawaian Pelaporan Umum (“CRS”) Organisasi Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi;
(b) Biro Kredit BNM, Cagamas Berhad, Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad dan biro kredit yang ditubuhkan di bawah Akta Agensi Pelaporan Kredit 2010;
(b) entiti di bawah Kumpulan Maybank;
(c) pihak yang menyediakan perkhidmatan (termasuk vendor sumber luar, peguam, penama, penjaga, depositori sekuriti terpusat, pendaftar, ejen pemungut hutang dan bank perantara/wakil) kepada Bank;
(d) ejen, perunding dan penasihat profesional Bank;
(e) pemegang serah hak Bank atau mana-mana Kumpulan Maybank; dan
(f) mana-mana individu atau entiti lain yang kepadanya pendedahan dibenarkan atau dikehendaki oleh mana-mana undang-undang, peraturan atau arahan kerajaan.

20.3 Dasar Privasi Kumpulan Maybank, seperti yang dipinda dari semasa ke semasa, dimasukkan sebagai rujukan dan membentuk sebahagian daripada Terma dan Syarat ini. Ia hendaklah terpakai kepada semua data peribadi anda yang anda berikan kepada kami atau entiti dalam Kumpulan Maybank. Anda boleh mengakses salinan dasar privasi ini di www.maybank.com.my atau mendapatkan salinan daripada mana-mana cawangan kami.

20.4 Kebenaran anda di bawah perenggan ini akan terus berkuat kuasa apabila berlaku kematian anda, ketaksolvenan, ketidakupayaan, penamatan Terma dan Syarat ini serta penutupan Akaun Perbankan anda.

**21. Force Majeure**

21.1 Bank tidak bertanggungjawab terhadap anda atau mana-mana pihak ketiga terhadap apa-apa kesulitan, kecederaan, perbelanjaan, liabiliti, ganti rugi, hilang untung, perolehan atau nama baik jika:

(a) Bank tidak dapat melaksanakan apa-apa obligasinya atau menyediakan apa-apa perkhidmatan disebabkan oleh Force Majeure; atau
(b) jika wang yang dikreditkan atau didebitkan daripada Akaun Perbankan tidak boleh diakses atau turun nilai disebabkan oleh Force Majeure.

21.2 Jika mana-mana mata wang yang Bank perlukan untuk membuat pembayaran tidak ada kerana beberapa sebab, termasuk sekatan ke atas kebolehtukaran atau kebolehpindahan atau Force Majeure, Bank boleh membuat pembayaran tersebut dalam mata wang lain pada kadar pertukaran yang ditentukan oleh Bank.

**22. Kebolehasingan dan Penepian**

22.1 Jika mana-mana Terma dan Syarat ini didapati menyalahi undang-undang atau dilarang, ia tidak boleh dikuatkuasakan setakat bahagian yang menyalahi undang-undang atau dilarang itu sahaja. Terma dan Syarat yang lain tidak terjejas.

22.2 Apa-apa penepian atau kelonggaran yang diberikan oleh Bank tidak boleh menghalang Bank daripada menguatkuasakan bahagian lain Terma dan Syarat ini yang tidak terjejas oleh penepian atau kelonggaran tersebut, atau menghendaki pematuhan dengan apa-apa syarat yang diketepikan atau membatalkan kelonggaran pada tarikh kemudian. Hak dan remedi yang diperuntukkan oleh undang-undang tidak dikecualikan oleh Terma dan Syarat ini.

**23. Pengganti Terikat**

23.1 Terma dan Syarat ini hendaklah mengikat waris, wakil peribadi dan pengganti hak milik anda serta pengganti hak milik dan pemegang serah hak Bank. Obligasi dan liabiliti anda hendaklah diteruskan walau apa pun perubahan melalui penggabungan, pembentukan semula atau selainnya dalam perlembagaan Bank.

**24. Perkhidmatan Perbankan Elektronik**

24.1 Perkhidmatan Perbankan Elektronik yang anda gunakan juga tertakluk kepada Terma Khusus dan jika terdapat apa-apa percanggahan atau ketidakselarasan, Terma Khusus akan diguna pakai.

**25. Cukai**

25.1 Apa-apa cukai atau levi barangan dan perkhidmatan yang dikenakan oleh undang-undang atau dikehendaki dibayar berhubung dengan apa-apa wang yang perlu dibayar kepada atau diterima oleh Bank bagi apa-apa perbelanjaan yang ditanggung atau akan ditanggung oleh Bank (kecuali jika dilarang oleh undang-undang) hendaklah ditanggung oleh anda.

**26. Akaun Dorman**

26.1 Anda bersetuju bahawa jika tiada transaksi dilakukan ke atas Akaun Perbankan anda bagi tempoh tertentu seperti yang ditentukan oleh Bank menurut budi bicaranya yang munasabah, Bank akan menganggap Akaun Perbankan tersebut sebagai dorman dan mengenakan caj atau fi ke atas akaun itu dan seterusnya menutupnya dengan memberikan notis empat belas (14) kalendar hari secara bertulis terlebih dahulu kepada anda.

26.2 Akaun Semasa akan dianggap sebagai dorman jika tiada transaksi bagi tempoh tiga (3) bulan berturut-turut atau tempoh lain seperti yang ditentukan oleh Bank menurut budi bicaranya.

26.3 Akaun Simpanan akan dianggap sebagai dorman jika tiada transaksi bagi tempoh dua belas (12) bulan berturut-turut atau tempoh lain seperti yang ditentukan oleh Bank menurut budi bicaranya.

26.4 Sebaik sahaja Akaun Perbankan dianggap dorman, anda boleh mengaktifkannya semula atau menutupnya pada bila-bila masa sebelum baki kredit dipindahkan kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut.

26.5 Anda bersetuju bahawa di bawah Akta Wang Tak Dituntut 1965, apa-apa wang dalam kredit Akaun Perbankan yang dorman selama tujuh (7) tahun termasuk apa-apa faedah yang terakru bagi kredit dalam Akaun Perbankan tersebut mesti diwartakan sebagai "Wang Tak Dituntut" dan akan diremitkan kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut dan selepas itu Akaun Perbankan tersebut akan ditutup.

26.6 Anda bersetuju bahawa faedah bagi Akaun Perbankan anda yang dorman akan dikurangkan mengikut kadar yang diiklankan di laman web Bank atau yang diumumkan di cawangan.

**27. Pertanyaan, Aduan dan Komunikasi**

27.1 Jika anda mempunyai apa-apa pertanyaan, pertikaian, tuntutan atau aduan berkaitan dengan Akaun Perbankan anda atau Terma dan Syarat ini, anda bersetuju untuk menghubungi Bank melalui pusat hubungan berikut:

Khidmat Pelanggan Kumpulan Maybank,
Lot 12, Jalan Astaka U8/84,
Seksyen U8, Bukit Jelutong,
40150 Shah Alam,
Selangor.

No. telefon.: 1300-88-6688
No. telefon luar negeri.: +603-78443696
No. faks.: 1300-88-8899
Alamat e-mel: mgcc@maybank.com.my

27.2 Anda mesti menyatakan jenis pertanyaan, pertikaian, tuntutan atau aduan dan menyediakan butiran atau maklumat lain seperti yang kami kehendaki (contohnya, bagi transaksi yang dipertikaikan, anda hendaklah memberikan nama anda, nombor Akaun Perbankan, tarikh dan amaun bagi transaksi yang dipertikaikan, jenis pertikaian dan alasan anda mempertikaikan transaksi tersebut) dan anda mengakui dan bersetuju bahawa pertanyaan, pertikaian, tuntutan atau aduan tersebut akan disiasat, dikendalikan dan/atau diselesaikan menurut dasar dan prosedur penyelesaian pertanyaan, aduan, tuntutan dan pertikaian Bank.

27.3 Anda mengaku janji bahawa apa-apa aduan, tuntutan atau pertikaian yang anda buat adalah benar dan sah dan anda bersetuju bahawa anda akan bertanggungan terhadap apa-apa kerugian, ganti rugi dan perbelanjaan atau kos yang Bank alami atau tanggung bagi apa-apa tuntutan, aduan atau pertikaian yang palsu atau melibatkan penipuan.

**28. Pematuhan Keperluan Kawal Selia**

28.1 Anda mengesahkan dan mengaku janji bahawa semua transaksi yang dilakukan melalui Akaun Perbankan anda adalah sah sepenuhnya dan tidak menggunakan saluran dana dalam Akaun Perbankan anda yang bertentangan dengan Undang-undang Sekatan. Anda juga bersetuju untuk memenuhi dan mematuhi apa-apa keperluan atau arahan kawal selia yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa termasuk yang berkaitan dengan FATCA, Undang-undang Sekatan dan CRS ("Keperluan Kawal Selia").

28.2 Anda hendaklah mendedahkan semua maklumat yang dikehendaki bagi memastikan pematuhan Keperluan Kawal Selia dan anda mengesahkan dan mengaku janji bahawa maklumat yang diberikan adalah benar, betul dan muktamad.

28.3 Anda bersetuju dan membenarkan apa-apa tindakan yang diambil oleh Bank untuk tujuan mematuhi Keperluan Kawal Selia terutamanya yang mengelaskan anda sebagai akaun boleh lapor, menahan atau menguntukkan apa-apa amaun dalam Akaun Perbankan anda, mendebitkan apa-apa amaun seperti yang dikehendaki dan menutup Akaun Perbankan anda.

**29. Pembayaran dan pemindahan melalui saluran Paynet**

29.1 Bagi pembayaran atau pemindahan yang anda *buat atau terima* melalui saluran yang dikendalikan oleh Payments Network Malaysia Sdn. Bhd. ("Paynet"), anda bersetuju bahawa ia akan diproses di bawah peraturan dan prosedur pengendalian Paynet (secara kolektif "Peraturan"). Anda juga mengakui bahawa apa-apa pemindahan atau pembayaran yang dipertikaikan (contohnya, disebabkan oleh maklumat yang salah, silap atau mengelirukan atau disebabkan oleh komplot), Bank akan mengikuti Peraturan dan akan melaksanakan hak tertentu yang diberikan oleh Peraturan tersebut termasuk mendebitkan amaun yang dipertikaikan daripada Akaun Perbankan anda dan meremitkannya semula kepada pemindah jika anda gagal mengesahkan pemilikan anda terhadap amaun tersebut. Bank juga berhak menguntukkan amaun yang dipertikaikan itu apabila menerima notis pertikaian. Bank tidak bertanggungan terhadap anda bagi apa-apa tuntutan, kerugian, ganti rugi, penalti, caj, kos dan perbelanjaan yang anda alami atau tanggung berhubung dengan pematuhan Bank terhadap Peraturan tersebut.

**30. Pencegahan Rasuah, Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Sekatan**

30.1 **Undang-undang Pencegahan Rasuah**

Anda hendaklah sentiasa mengendalikan Akaun Perbankan anda dengan mematuhi Undang-undang Pencegahan Rasuah.

30.2 **Pencegahan Pengubahan Wang Haram**

(a) Anda hendaklah sentiasa memastikan bahawa tiada dana yang masuk dan keluar daripada Akaun Perbankan anda merupakan prosid daripada, atau akan digunakan untuk apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang yang bertentangan dengan mana-mana Undang-undang Pengubahan Wang Haram.

(b) Anda mengaku janji bahawa anda tidak akan:
   (i) menggunakan Akaun Perbankan anda, secara langsung atau tidak langsung, untuk transaksi yang melibatkan apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang;
   (ii) tidak mendedahkan atau menyembunyikan sifat sebenar apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang; atau
   (iii) menggunakan mana-mana wang daripada Akaun Perbankan anda untuk apa-apa pengubahan wang haram atau apa-apa tujuan lain yang menyalahi undang-undang.

30.3 **Sekatan**

(a) Anda mengesahkan dan menegaskan bahawa anda bukan individu dan sepanjang pengetahuan anda, tidak ada saudara mara anda merupakan individu, yang (i) kini sedang dikenakan apa-apa Sekatan, atau (ii) berada atau bermastautin di negara atau wilayah yang dikenakan Sekatan.
(b) Anda tidak akan secara langsung atau tidak langsung, menyediakan, dalam apa-apa cara, apa-apa prosid daripada Akaun Perbankan anda untuk mana-mana individu atau entiti yang dikenakan Sekatan.
(c) Anda mengakui bahawa Bank tidak boleh memproses transaksi terjejas yang melibatkan atau disyaki melibatkan pelanggaran Sekatan atau apa-apa keperluan yang dikenakan oleh mana-mana pihak berkuasa yang mempunyai bidang kuasa ke atas Bank atau transaksi yang terlibat. Bank tidak akan bertanggungjawab dalam apa jua cara terhadap apa-apa kegagalan atau kelewatan dalam memproses mana-mana transaksi tersebut.

**31. Deklarasi**

31.1 Anda membuat deklarasi dan mengaku janji kepada Bank bahawa:

(a) anda bukan seorang bankrap yang belum dilepaskan atau mengalami penggulungan dan tiada Perkara Ketaksolvenan yang dimulakan terhadap anda di bawah undang-undang Malaysia atau mana-mana bidang kuasa lain;
(b) maklumat yang anda berikan kepada Bank adalah benar dan betul dan anda membenarkan Bank mengesahkannya dengan mana-mana pihak dan menggunakan apa-apa sumber yang Bank anggap sesuai; dan
(c) anda membenarkan pendedahan maklumat oleh Bank di bawah Fasal M.19 (Pendedahan Maklumat dan Data Peribadi Pelanggan).

**32. Notis**

32.1 Melainkan terdapat cara atau mod komunikasi tertentu yang dikehendaki oleh undang-undang atau peraturan, kami boleh menghantar apa-apa notis, penyata Akaun Perbankan atau apa-apa komunikasi lain kepada anda (i) dihantar sendiri dengan tangan atau melalui pos; (ii) melalui e-mel, sistem pesanan ringkas (SMS) atau melalui Perkhidmatan Perbankan Elektronik; atau (iii) apa-apa medium yang kami pilih. Masa penghantaran bagi:

(a) dihantar sendiri dengan tangan ialah pada masa penghantaran;
(b) melalui pos ialah hari kedua (ke-2) selepas diposkan; dan
(c) melalui e-mel, SMS atau Perkhidmatan Perbankan Elektronik ialah pada masa penghantaran.

32.2 Bagi notis atau komunikasi yang berbentuk umum, ia akan disampaikan kepada anda melalui mana-mana medium pilihan kami termasuk memaparkannya di cawangan kami atau mengumumkannya di laman web kami www.maybank2u.com.my. Ia akan dilaksanakan pada tarikh kuat kuasa yang dinyatakan.

32.3 Kami akan menggunakan maklumat perhubungan terkini anda yang diketahui yang terdapat dalam rekod kami. Jika anda mempunyai lebih daripada satu (1) Akaun Perbankan dan maklumat perhubungannya tidak sama, kami berhak menggunakan maklumat terkini.

**33. Undang-undang yang Mengawal**

33.1 Terma dan Syarat ini dikawal oleh undang-undang Malaysia. Bank boleh memulakan prosiding terhadap anda di Malaysia atau dalam mana-mana bidang kuasa lain, tanpa mengambil kira tempat bermastautin atau perniagaan anda, atau tempat Akaun Perbankan anda dikekalkan.

## TERMA DAN SYARAT TAMBAHAN BAGI AKAUN PERBANKAN BERASASKAN KOMODITI MURABAHAH

**34. Peruntukan Am**

34.1 Di bawah prinsip Syariah Komoditi Murabahah, anda akan melantik dan memberikuasa kepada Bank sebagai ejen anda dan Bank hendaklah menerima perlantikan dan kuasa tersebut. Sebagai ejen anda, anda membenarkan Bank untuk:

(a) melakukan dan melaksanakan semua perbuatan; dan
(b) melaksanakan semua dokumen berhubung pembelian Komoditi sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank pada harga komoditi yang bersamaan dengan amaun deposit.

34.2 Selepas itu Bank hendaklah membeli Komoditi tersebut dari anda secara tangguh pada harga kos ditambah keuntungan. Ianya terdiri daripada Harga Belian dan keuntungan sewaktu Komoditi tersebut diserah.

34.3 Komoditi yang terlibat di dalam transaksi Komoditi Murabahah ini adalah mampu untuk diserahan secara fizikal. Jika anda menginginkan penghantaran, anda hendaklah menanggung segala kos penghantaran tersebut.

34.4 Tujuan pembukaan akaun adalah untuk mendapatkan Harga Jualan Murabahah. Harga Jualan Mudarabah terdiri daripada jumlah wang pokok berserta dengan jumlah keuntungan yang tetap pada tempoh matang yang telah dipersetujui.

**35. Pelantikan Sebagai Ejen**

35.1 Di bawah perlantikan ini:

(a) Anda melantik Bank untuk bertindak sebagai ejen anda untuk pembelian dan penjualan komoditi yang bersesuaian untuk transaksi ini;
(b) Ciri-ciri aset adalah dibuktikan dalam e-sijil atau dokumen hak milik menurut Terma dan Syarat ini;
(c) Bank hanya akan bertindak sebagai ejen anda dan tidak akan menganggap, atau dianggap telah mengambil alih, apa-apa kewajipan tambahan untuk, atau mempunyai hubungan istimewa dengan anda selain daripada yang mana peruntukan khusus dibuat dalam Syarat ini dan Syarat;

(d) Anda bersetuju untuk Bank mewakilkan hak dan kewajipannya sebagai ejen berhubung dengan pembelian dan penjualan komoditi sebagaimana yang dianggap wajar oleh Bank untuk urus niaga dan perihalan aset itu adalah seperti yang disokong oleh e-sijil atau dokumen pemilikan kepada pihak ketiga untuk melakukan semua tindakan yang diperlukan untuk menyelesaikan transaksi yang diperlukan;
(e) Anda melantik Bank sebagai ejen untuk menandatangani dan melaksanakan semua dokumen dan melakukan semua tindakan dan mematuhi dan melaksanakan segala kewajipan yang perlu dilakukan berkaitan dengan pelantikan sebagai ejen;
(f) Pelantikan ini akan terbatal apabila penutupan atau pembatalan Akaun Perbankan;
(g) Bank boleh menamatkan perlantikan ini kerana kecuaian atau salah laku anda.

**36. Transaksi**

36.1 Di sepanjang tempoh deposit atau apa-apa tempoh pembaharuannya, Bank hendaklah mempunyai kuasa dan kebenaran seperti berikut:

(a) Untuk melakukan semua perbuatan berhubung pembelian Komoditi atas dasar tunai ("Transaksi Pembelian") melalui perjanjian pembelian, sijil dan instrumen lain sebagaimana yang anda boleh lakukan sendiri dan untuk berunding dengan Pembekal komoditi bagi pihak anda berkaitan dengannya; dan
(b) Untuk menjual komoditi dengan harga tangguh kepada Bank pada harga kos ditambah keuntungan ("Harga Jualan Murabahah") bagi pihak kami dan untuk melakukan semua perbuatan yang berkaitan dengannya ("Transaksi Jualan").

36.2 Dalam melaksanakan tanggungjawab dan aktivitinya di dalam Transaksi Pembelian atau Transaksi Jualan, Bank akan menjaga kepentingan terbaik saya/kami dan bertindak dengan niat yang baik.

36.3 Apabila Bank menerima dari saya/kami bayaran harga komoditi yang menyamai jumlah deposit kepada Bank, Bank berjanji untuk membeli komoditi dari saya/kami di bawah kontrak Murabahah atas asas bayaran tertangguh.

36.4 Anda akan menjual Komoditi tersebut kepada Bank secara bayaran tertangguh. Harga Jualan terdiri:

(a) jumlah deposit dan;
(b) keuntungan dari deposit tersebut.

Di mana berkenaan:

(a) Untuk Prosperous Now Account-i (PNA-i), deposit sekuriti (Hamish Jiddiyyah) akan dikreditkan pada hari yang sama akaun tersebut dibuka.
(b) Untuk Islamic Fixed Deposit-i (IFD-i) keuntungannya akan dikreditkan apabila ia matang.

**37. Kadar Keuntungan/Pembayaran Keuntungan**

37.1 Bank akan menentukan kadar keuntungan dan hendaklah dibayar kepada anda menurut kadar yang terpakai sebagaimana yang diamalkan oleh Bank. Sekiranya berlaku perubahan terhadap kadar keuntungan yang dilakukan oleh Bank sebagai tindakbalas kepada apa-apa perubahan Kadar Polisi Semalaman (OPR) Bank Negara Malaysia, pemberitahuan perubahan sedemikian adalah mencukupi untuk dibuat melalui:

(a) Memaparkan notis di cawangan / premis Bank atau;
(b) Dihantar kepada Pelanggan pada alamat terakhir yang didaftarkan dengan Bank atau;
(c) Diiklankan oleh Bank melalui mod lain yang difikirkan sesuai oleh Bank.

Perubahan dalam OPR akan memberi kesan kepada kadar keuntungan pelanggan baru atau sewaktu pembaharuan bagi pelanggan sedia ada.

37.2 Apabila deposit matang, untuk PNA-i, Bank akan membayar anda jumlah deposit prinsipal. Keuntungan telah dibayar kepada anda dengan menetapkan deposit keselamatan (Hamish Jiddiyah). Bagi IFD-i, Bank akan membayar anda jumlah prinsipal dan keuntungan.

37.3 Sekiranya saya/kami membuat pengeluaran awal sebelum tarikh matang deposit, Bank berhak untuk membayar jumlah yang kurang daripada Harga Jualan Murabahah yang dipersetujui berdasarkan yang berikut:

37.3.1. Deposit Berjangka Diperbaharui atau Diletakkan Sebelum 1 November 2018

(a) Sekiranya tempoh deposit tersebut adalah 3 bulan dan kurang, pengeluaran awal akan dibenarkan oleh Bank tertakluk kepada persetujuan anda untuk memberikan Rebat/Ibra'di mana tiada keuntungan yang akan dibayar;
(b) Sekiranya tempoh deposit adalah lebih dari 3 bulan dan pengeluaran dibuat selepas tempoh 3 bulan, anda bersetuju untuk memberikan Rebat/Ibra'berdasarkan kepada formula berikut:

Rebat/Ibra'= Harga Jualan Murabahah – [(P x R x T/365 atau 366 x 50%) + P]

Di mana:

| | | |
|---|---|---|
| Harga Jualan Murabahah | = | Jumlah Prinsipal + Keuntungan |
| P | = | Jumlah Prinsipal |
| T | = | Jumlah hari yang telah disempurnakan |
| R | = | Kadar Keuntungan |

37.3.2. Deposit Berjangka Diperbaharui atau Diletakkan Mulai 1 November 2018 :-

1. Penarikan Balik Sebelum 1 Januari 2019

(a) Saya/Kami bersetuju untuk terikat dengan formula seperti yang dinyatakan di bawah Klausa 38.3.1.

2. Penarikan Balik Mulai 1 Januari 2019

(a) Untuk penarikan balik segera (tanpa notis bertulis awal) akan dibenarkan oleh Bank tertakluk kepada persetujuan saya/kami untuk memberikan Rebat/Ibra'di mana tiada keuntungan yang akan dibayar;

(b) Sekiranya Akaun Deposit Berjangka (dengan notis bertulis 31 hari awal), saya / kami bersetuju untuk memberikan Rebat / Ibra 'berdasarkan formula berikut:

Rebat/Ibra'= Harga Jualan Murabahah – [(P x R x T/365 atau 366 x 50%) + P]

Di mana:

| | | |
|---|---|---|
| Harga Jualan Murabahah | = | Jumlah Prinsipal + Keuntungan |
| P | = | Jumlah Prinsipal |
| T | = | Jumlah hari yang telah disempurnakan |
| R | = | Kadar Keuntungan |

**38. Opsyen Pembayaran**

38.1 Untuk PNA-i,

(a) Bank akan membayar deposit sekuriti (Hamish Jiddiyyah) kepada anda dalam jumlah yang bersamaan dengan keuntungan yang diperolehi daripada transaksi Komoditi Murabahah atau apa-apa jumlah lain sebagaimana yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak.
(b) Deposit sekuiriti (Hamish Jiddiyyah) bertujuan untuk menjamin perlaksanaan akujanji Bank di bawah Fasal 34.4.
(c) Pelanggan bersetuju untuk menolak dan Bank berhak untuk menolak prinsipal terhadap deposit sekuriti dan / atau keuntungan yang diperoleh daripada urusniaga Komoditi Murabahah yang perlu dibayar kepada anda.
(d) Deposit sekuriti (Hamish Jiddiyah) tidak boleh digunakan sebelum transaksi jual beli Komoditi Murabahah selesai sehingga satu (1) hari bekerja selepas tarikh peletakan deposit. Hari bekerja merujuk kepada hari kerja Wilayah Persekutuan.

38.2 Tanggungjawab Bank adalah untuk membayar Pelanggan Harga Jualan Murabahah ditolak sebarang deposit sekuriti (Hamish Jiddiyyah) atau Rebat (Ibra ') (jika ada).

38.3.1 Fasal 37.3 di atas tidak terpakai jika anda memilih untuk membayar keuntungan secara bulanan atau matang.

**39. Spesifik Terma and Syarat bagi Komoditi Murabahah Akaun Semasa dan Akaun Simpanan ("CM CASA")**

39.1 Mulai 23 Oktober 2021 ("Tarikh Kuatkuasa") semua Akaun Simpanan dan Akaun Semasa di bawah akan bertukar Syariah kontraknya dari Qard ke Komoditi Murabahah.

(a) Basic Savings Account-i
(b) Savings Account-i
(c) Basic Current Account-i
(d) Current Account-i
(e) Yippie-i
(f) imteen-i
(g) Premier Account-i
(h) Personal Savers-i
(i) Flexi Savers-i
(j) Maybank2u Savers-i
(k) SME First Account-i

39.2 Berkuatkuasa tersebut, Bank akan melaksanakan perkara-perkara di bawah:

(a) Tempoh CM CASA adalah satu (1) tahun bermula dari 1 Januari sehingga 31 Disember setiap tahun;
(b) Satu kali pemindahan atas baki deposit Qard anda ke Komoditi Murabahah pada Tarikh Kuatkuasa;
(c) Transaksi Komoditi Murabahah harian akan didasarkan pada baki bersih deposit tambahan anda;
(d) CPR, yang lebih tinggi dari EPR digunakan bagi menentukan jumlah keuntungan dari jualan Komoditi Murabahah;
(e) Anda akan menerima keuntungan berdasarkan EPR pada tarikh pembayaran keuntungan;
(f) Perbezaan antara CPR dan EPR adalah rebat dari anda kepada Bank;
(g) Pembaharuan akad akan dilakukan pada 1 haribulan tahun berikutnya berdasarkan jumlah baki deposit anda pada 31 Disember tahun semasa;
(h) Anda akan menerima penyata Bank tahunan baharu yang mengandungi maklumat harian bagi fasal 39.2(c) hingga 39.2(f).

39.3 Formula bagi Harga Jualan Komoditi CM CASA dan pengiraan rebat adalah seperti di bawah.

(a) Satu kali pemindahan akaun pada Tarikh Kuatkuasa

| | |
|---|---|
| Harga Jualan Komoditi | = Baki EOD Efektif + Jumlah CPR |
| Jumlah CPR | = Baki EOD Efektif x CPR x T/365 or 366 |

Di mana:

| | |
|---|---|
| Baki EOD Efektif | = Baki akhir harian pada Tarikh Kuatkuasa |
| CPR | = xx% (nota: lebih tinggi dari EPR) |
| T or Tempoh | = (Tarikh Matang – Tarikh Efektif) + 1 Hari |

Tarikh matang ditetapkan pada 31 Dec

(b) Pengiraan Harga Jualan Harian Komoditi (jika ada)

| | |
|---|---|
| Harga Jualan Komoditi | = Baki Tambahan Bersih + Jumlah CPR |
| Jumlah CPR | = Baki Tambahan Bersih x CPR x T/365 or 366 |

Di mana:

| | |
|---|---|
| Baki Tambahan Bersih | = Baki EOD pada Hari Transaksi – Baki EOD pada hari sebelumnya |

CPR = xx% (nota: lebih tinggi dari EPR)
T or Tempoh = (Tarikh Matang – Tarikh Transaksi) + 1 Hari
Tarikh matang ditetapkan pada 31 Dec

(c) Pengiraan Harga Jualan Tahunan Komoditi untuk Pembaharuan Akad

Harga Jualan Komoditi = Prinsipal + Jumlah CPR
Jumlah CPR = Prinsipal x CPR x 365/365 (tahun lompat 366)

Di mana:
Prinsipal = Jumlah baki deposit pada 31 Disember
CPR = xx% (nota: lebih tinggi dari EPR)
T or Tempoh = Bilangan bulan dalam setahun

(d) Pengiraan Rebat

Rebat = Jumlah CPR – Jumlah EPR
Jumlah EPR = Baki EOD Harian x EPR x 1/365 or 366

Di mana:
EPR = xx% (rendah berbanding CPR dan berbeza-beza berdasarkan jenis produk anda miliki).

39.4 Rebat berlaku apabila CPR adalah lebih tinggi berbanding EPR.

39.5 Struktur kadar EPR akan ditentukan oleh Bank seperti di bawah dari masa ke semasa dengan notis terlebih dahulu,

(a) Kadar rata tunggal tanpa mengira jumlah baki;
(b) Kadar berperingkat yang tertakluk pada baki peringkat; hanya kadar tunggal yang dikenakan pada baki EOD pada bila-bila masa;
(c) Kadar pemisahan, tertakluk kepada baki peringkat seterusnya; beberapa kadar akan dikenakan pada baki EOD (jika berkenaan); dan
(d) Kadar sifar.

Anda boleh merujuk kepada www.maybank2u.com.my atau papan kenyataan di cawangan-cawangan Bank untuk EPR bagi setiap produk.

39.6 Tidak terhad kepada pengiraan rebat di atas, anda bersetuju memberikan rebat kepada Bank dan menerima keuntungan lebih rendah daripada EPR yang dinyatakan di fasal 39.2 (e) apabila anda

(a) Melakukan lebih dari satu (1) pengeluaran dalam sebulan untuk tempoh 6 bulan berterusan bagi produk Yippie-i and imteen-i; dan
(b) Memberikan rebat penuh dari jumlah EPR kepada Bank berdasarkan struktur kadar di fasal 39.5(d) bagi produk Basic Current Account-i, Current Account-i and SME First Account-i

Bagi senario di fasal 39.6(b) anda tidak akan menerima apa-apa keuntungan.

39.7 Tarikh pembayaran keuntungan adalah berdasarkan kekerapan pembayaran keuntungan bagi setiap produk sama ada setiap bulan atau setiap setengah tahun.

39.8 Penyata tahunan adalah penyata tambahan selain penyata bulanan dan / atau suku tahunan yang anda terima bagi Akaun Simpanan dan / atau Akaun Semasa anda.

**40. Pelbagai**

40.1 Terma dan Syarat ini adalah bertujuan untuk mematuhi Syariah secara keseluruhannya. Hak dan kewajipan dimaksudkan untuk menjadi dan tertakluk kepada dan sejajar dengan Syariah (Syariah seperti yang ditentukan oleh Jawatankuasa Syariah Bank).

40.2 Apabila ada dua (2) atau lebih individu atau pihak yang termasuk di dalam pernyataan "Pelanggan", Terma dan Syarat ini hendaklah mengikat terhadap individu atau pihak tersebut secara bersama dan berasingan.

40.3 Perkataan yang terpakai kepada individu biasa adalah termasuk apa-apa badan, syarikat, perbadanan, firma atau perkongsian, korporat dan begitu juga sebaliknya.

-TAMAT-